


**Jilid I
Bil. 78**



**Hari Khamis
4hb Disember, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
8561]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Jadual—

Kepala B. 22 [Ruangan 8571]

Kepala B. 20 [Ruangan 8579]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Kepala P. 22 [Ruangan 8571]

Kepala P. 20 [Ruangan 8579]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 4hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N.,
S.P.M.K., S.J.M.K.

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN
IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N.
(Jerantut).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK
HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P.
(Sabak Bernam).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N.,
P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD,
S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO
UNG HUN (Lumut).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD
(Santubong).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG
(Taiping).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI
BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK
(Nibong Tebal).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung
Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- ” TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- ” TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- ” TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- ” TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- ” DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Semerah).
- ” TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- ” DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- ” TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- ” TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

Yang Berhormat DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- ” DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., S.I.M.P., K.O.M. (Pekan).

- ” Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K., (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LOMBONG YAP KOW & SON SDN BHD —PEMBATALAN LESEN

1. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa lebih daripada 30 ekar tanah pertanian di Batu 26, Bruas yang dimiliki oleh bumiputra habis musnah tanamannya disebabkan oleh air lombong yang dilepaskan dari Lombong Yap Kow & Son Sdn Bhd semenjak lombong itu dibuka; jika ya, adakah beliau akan mengambil tindakan untuk membatalkan lesen lombong tersebut dengan serta merta.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tanah dan Galian telah diberitahu berkenaan kejadian yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu.

Penyiasatan berkenaan perkara ini telah dijalankan oleh Jabatan Galian di dalam mana didapati benar yang Syarikat lombong tersebut ada melepaskan air kotor daripada kawasan simpanan hampasnya melalui alor limpah akhir yang lama di masa hujan lebat pada 5-9-75, mengakibatkan air kotor tersebut melemah dan merosakkan kawasan sawah padi di hilir Sungai Rotan.

Berlanjutan dengan pendapat penyiasatan tersebut, maka Jabatan Galian telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Syarikat lombong telah didakwa di Mahkamah didapati salah dan didenda.
- (ii) Menutup langsung alor limpah akhir.
- (iii) Lombong tidak dibenarkan menggunakan lagi kawasan simpanan hampas yang berkenaan.
- (iv) Syarikat lombong telah diarah dan ber-setuju mengganti rugi tuan punya tanah yang terlibat. Banyaknya ganti rugi akan ditaksirkan oleh Pegawai Daerah, Larut dan Matang.

Tindakan di atas, sebagaimana yang dibekalkan di dalam Undang-undang lombong, adalah dianggap cukup berkesan untuk mencegah kejadian tersebut berlaku lagi. Tindakan seperti yang dicadangkan untuk membatalkan lesen lombong yang berkenaan dengan serta-merta adalah dianggap tidak wajar kerana ianya mungkin mengakibatkan timbulnya masalah "sosio-ekonomi" dan juga mengurangkan pendapatan hasil Kerajaan.

KEMALANGAN JALANRAYA

2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan rancangan-rancangan Kementerian beliau untuk mengatasi bilangan kemalangan jalanraya yang kian bertambah pada masa sekarang walaupun Kempen Keselamatan Jalanraya diadakan setiap tahun untuk mengurangkan bilangan kemalangan jalanraya. Samada beliau sedar bahawa sebab-sebab bertambahnya bilangan kemalangan jalanraya adalah kerana kecuaian pengguna-pengguna jalanraya.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan yang serupa telah pun saya beri di dalam Dewan ini pada 12hb November, 1975 ketika menjawab soalan oleh Yang Berhormat dari Beruas.

PEJABAT POS, ALOR SETAR

3. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa Pejabat Besar Pos, Alor Setar, kadang-kadang dibanjiri oleh manusia dan tidak ada cukup "kaunter" di Pejabat Pos itu untuk melayani orang ramai dan apakah langkah-langkah yang beliau bercadang hendak ambil bagi memperbaiki keadaan itu dan bilakah beliau bercadang hendak berbuat demikian.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebuah Pejabat Besar Pos baru untuk Alor Setar bagi menggantikan bangunan yang ada sekarang ini sedang dipertimbangkan di bawah Rancangan

Malaysia Ketiga. Sementara itu rancangan sedang diatur bagi menambah kaunter-kaunter dan juga pejabat isih di Pejabat Besar Pos ini.

Adalah dicadangkan untuk membina sebuah pejabat pos baru untuk Alor Setar di Jalan Putra secepat yang mungkin.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—ORANG YANG DITANGKAP

4. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai orang telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri; dan
- (b) di antara mereka yang ditahan berapa orang telah dikurung lebih dari 5 tahun.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini ingin saya menyatakan di sini bahawa ada perbezaan di antara "ditangkap" dan "ditahan" dan soal ini adalah meliputi satu jangka masa yang panjang. Walau bagaimanapun, bilangan orang yang telah ditangkap di bawah K.D.N. 1960 dan semenjak 1969 sehingga bulan November, 1975 ialah 3,454 orang dan dari ini bilangan yang telah ditahan hanyalah 1,444 orang sahaja di mana kebanyakan yang lain telah dibebaskan. Bilangan orang yang telah ditahan lebih daripada 5 tahun ialah seramai 75 orang.

KAMPUNG BARU SEBAGAI PEKAN

5. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada bel'au mempunyai apa-apa rancangan untuk menukarkan kampung-kampung baru kepada pekan-pekan; jika ada, bila dan di mana.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk memodenkan keadaan Fisikal dan Sosial di Kampung-kampung Baru demi untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di situ. Usaha-usaha sedang dan akan dijalankan untuk mencapai matlamat ini. Usaha-usaha yang

sudah dan sedang dijalankan untuk maksud ini adalah seperti berikut:

- (a) Di Negeri Perak sebanyak 34 buah Kampung-kampung Baru telah digezet oleh Kerajaan Negeri sebagai Pekan, dan 91 buah lagi akan digezetkan;
- (b) Di Negeri Sembilan 2 buah Kampung Baru telah digezet sebagai Kawasan Lembaga Bandaran dan 10 buah Kampung Baru diletak di bawah Kuasa Majlis-majlis Tempatan;
- (c) Sementara itu di Negeri Johor, 83 buah Kampung Baru telah disatukan dengan Majlis-majlis Tempatan;
- (d) Di Negeri Selangor, 19 buah Kampung Baru telah digezet sebagai Lembaga atau Majlis Tempatan; dan
- (e) Di Negeri Pahang sebuah Kampung Baru iaitu Kampung Baru Lancang, sedang dirancang menjadi sebuah Bandar Baru, manakala 12 buah Kampung Baru lain sudah pun dalam kawasan Bandaran.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini bilakah rancangan-rancangan seperti Yang Berhormat katakan tadi akan dijalankan dan jumlah belanja yang dapat diperuntukkan kepada semua rancangan-rancangan ini.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, sebahagian besar masih, sedang dan akan dilaksanakan rancangan itu dan ini mungkin akan memakan perbelanjaan yang besar. Tetapi tidaklah dapat saya menjelaskan kepada Dewan ini untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu pada hari ini, oleh kerana ini bergantung kepada rancangan dan kemampuan.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar rancangan-rancangan ini telah beberapa kali disebutkan dalam Parlimen dan juga dalam State Assembly. Adakah rancangan ini termasuk dalam Third Malaysia Plan. Kalau ada bolehkah Yang Berhormat memberitahu butir-butir ini dengan jelas.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu tahu masaalah

Kampung-kampung Baru ini memanglah satu masaalah yang sudah berlanjutan. Tetapi oleh kerana Kementerian yang khusus bagi Kampung-kampung Baru ini baharu sahaja ditubuhkan dan pelaksanaan rancangan-rancangan itu memanglah disedari dan akan dijalankan.

Mengenai Rancangan Malaysia Ketiga, saya tidaklah dapat memberitahu Yang Berhormat itu sehingga satu keputusan atau kelulusan diumumkan.

BANK-BANK PERDAGANGAN

6. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan bank-bank perdagangan di negara ini dan jenis serta bilangan perusahaan di mana bank-bank ini mengambil bahagian.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, ada 37 buah bank perdagangan yang menjalankan urusan di negeri ini. Daripada jumlah itu, 19 ialah bank yang ditubuhkan di negeri ini dan 18 ialah cawangan bank asing. Ada juga 402 pejabat-pejabat bank di negeri ini.

Bank-bank ini mengambil bahagian dalam semua sektor ekonomi, terutamanya sektor pertanian, perlombongan dan penggalian batu, perkilangan, bangunan dan pembinaan dan perniagaan am. Untuk menunjukkan jumlah wang yang terlibat, pinjaman yang belum selesai pada penghujung tahun 1974 untuk perniagaan am ialah \$1,346 juta dan untuk perkilangan ialah \$1,057 juta. Pinjaman yang belum selesai bagi sektor pertanian ialah \$416.5 juta. Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti bank-bank ini boleh juga terdapat dalam Laporan Tahunan Lembaga Pengarah Bank Negara bagi tahun berakhir 31hb Disember, 1974.

PENGANGGUR-PENGANGGUR

7. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan akan

meningkatkan untuk memberi faedah pengangguran kepada penganggur-penganggur di dalam negeri ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sama telah diberi dalam persidangan Dewan ini pada 20hb November, 1975 iaitu ketika menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Bruas.

TEMPAT-TEMPAT PENTING DIKAWAL

8. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau ada rancangan untuk mengawal dengan rapinya tempat-tempat seperti Ibusawat Letrik, Kolam Air, Ibusawat Talipon, Stesyen Radio dan T.V. dan lain-lain tempat penting di negara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, soal yang sama telah saya jawab dalam Dewan ini pada 11hb November, 1975, dan tidak bercadang hendak menambah.

JALANRAYA PALOH/KELUANG, JOHOR

9. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebatang jalanraya dari Paloh ke Kluang, Johor. Jika ya, bilakah kerja pembinaan akan dimulakan dan berapa jumlah wang untuk projek tersebut.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, jalanraya yang dimaksudkan itu adalah suatu projek Kerajaan Negeri. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Johor memang ada cadangan hendak membina Jalanraya dari Paloh ke Kluang sepanjang 18 batu. Cadangan ini telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Negeri untuk dipertimbangkan. Jika cadangan ini diluluskan adalah dijangka kerja-kerja akan dimulakan pada tahun hadapan. Kos yang dianggarkan untuk pembinaan jalanraya tersebut ialah lebih kurang \$9,000,000.

PEGAWAI-PEGAWAI KEMAS

10. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan kedudukan perjawatan pegawai-pegawai KEMAS sekarang ini, yakni samada mereka akan dikekalkan sebagai pegawai-pegawai sementara tanpa sebarang kemudahan seperti yang dinikmati oleh pegawai-pegawai Kerajaan ataupun ada rancangan hendak menyerapkan mereka sebagai pegawai tetap dan berpenyen.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, dalam perjawatan KEMAS, Penyelia-penyelia dan Pemaju-pemaju Kampung sahaja terdiri daripada pegawai-pegawai sementara. Kemungkinan memperbaiki kedudukan mereka adalah sedang dalam kajian.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan. Adakah pengambilan guru-guru KEMAS ini berdasar kepada kelayakan-kelayakan seperti LCE/SRP dan sebagainya sebelum mereka itu di ambil bertugas.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong sebut sekali lagi Yang Berhormat, tidak berapa dengar.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Adakah pengambilan guru-guru KEMAS berdasar kepada kelayakan-kelayakan tertentu, seumpama, SRP/SPM dan sebagainya sebelum diambil bertugas sebagaimana pegawai pegawai Kerajaan yang lain.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

GURU PELATIH MENGIKUT KAUM

11. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Pelajaran menyatakan :

- (a) bilangan guru-guru Pelatih mengikut kaum yang bakal diambil memasuki Maktab-maktab bagi tahun 1976; dan
- (b) samada Kerajaan menolak pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan paling minima, iaitu 3 kepujian termasuk kepujian dalam Pelajaran Ugama Islam, atau samada Kerajaan tidak menerima kepujian itu bagi maksud temuduga bagi Guru Pelatih.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Senarai guru-guru pelatih yang akan memasuki Maktab-maktab Perguruan tahun 1976 belum diterima daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Oleh itu, butir-butir yang diminta tidak dapat diberi sekarang.
- (b) Bagi pengambilan guru-guru pelatih tahun 1976 kelayakan minima yang disyaratkan iaitu kepujian dalam Bahasa Malaysia dan kepujian dalam dua mata pelajaran lain, tidak termasuk pengajian ugama seperti Islam, Kristian dan lain-lain. Mulai mengambil guru-guru pelatih 1977 iaitu pemilihan dalam 1976 pengajian Ugama Islam sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini adalah satu mata pelajaran yang diambil-kira.

PONDOK TALIPON DI KAWASAN PERUMAHAN, ALOR SETAR

12. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada banyak kawasan-kawasan perumahan di sekitar bandar Alor Setar yang tidak mempunyai pondok talipon bagi orang ramai seperti kawasan perumahan United Park, Taman Intan yang telahpun ujud semenjak bertahun-tahun tetapi sehingga ini masih tidak ada pondok-pondok talipon bagi orang ramai. Oleh sebab perkara ini ialah suatu perkara yang mesti dipercepatkan adakah beliau akan mengambil langkah-langkah mendirikan pondok-pondok itu untuk orang ramai menggunakannya pada waktu-waktu kecemasan.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebilangan besar alat-alat talipon orang ramai yang baru adalah dikehendaki dengan segera untuk menggantikan yang ada sekarang yang telah rosak dan tidak dapat diperbaiki kembali lagi oleh perbuatan jahat (vandalism). Jabatan Talikom telah menerima banyak permintaan untuk memasang semula talipon-talipon orang ramai tersebut.

Banyak talipon orang ramai luar bandar, mereka juga memerlukan alat-alat baru oleh sebab kerosakan, dan berserta dengan ini sebilangan besar alat-alat baru adalah dikehendaki.

Malangnya oleh sebab masalah-masalah buruh dan lain-lainnya, maka pembekalan alat-alat talipon orang ramai yang baru dari luar negeri telah tergendala. Namun demikian, sebanyak 200 dijangka akan tiba dalam bulan Disember 1975 dan kesemuanya akan digunakan untuk mengganti alat yang rosak itu dalam kawasan-kawasan tersebut tadi.

Walau bagaimanapun, apabila alat-alat baru diterima, pertimbangan akan diberi kepada kawasan-kawasan baru di mana talipon-talipon orang ramai ini perlu, terutama sekali dalam kawasan-kawasan yang ada ramai penunggu untuk perkhidmatan talipon biasa.

Penyiasatan membuktikan bahawa di taman-taman perumahan di sekeliling Alor Setar, ramai penduduk-penduduknya mempunyai talipon dan bilangan penunggunya adalah tidak banyak. Walau bagaimanapun, Jabatan Talikom akan ambil perhatian atas keutamaan talipon orang ramai di kawasan tersebut.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa kebanyakan pondok-pondok talipon yang ada pada masa ini tidak sesuai tempatnya iaitu di tempat-tempat yang mudah pihak-pihak yang bersemangat vandalisme ini merosakkannya. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan ke tempat yang lebih selamat supaya talipon itu dapat digunakan oleh orang ramai yang benar-benar memerlukannya?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan rancangan-rancangan bagi mengadakan tempat-tempat yang selamat itu Kementerian saya sentiasa memikirkan masalah itu supaya dapat perkhidmatan talipon ini diberi kepada rakyat dengan sempurna.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (3hb Disember, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan ini ditangguhkan persidangannya semalam, Pemangku Timbalan Yang di-Pertua telah menyatakan bahawa pada hari ini bila Majlis bersidang akan diberi peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab di dalam perkara perbahasan Kepala-kepala B. 22 dan P. 22. Saya lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri yang telah mengemukakan cadangan ini tidak hadir pada petang ini, adakah diuntukkan atau diserahkan jawapan itu kepada Yang Berhormat Menteri-menteri lain yang ada? (*Tidak ada jawapan daripada Menteri-menteri*). Saya dukacita tidak boleh langkah membahaskan perkara lain. Jadi, saya terpaksa tempohkan Mesyuarat buat sementara.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah barang tentu melewati lagi kita membicarakan Anggaran Perbekalan dan Pembangunan dalam Dewan ini dalam peringkat Jawatankuasa, tetapi apa boleh buat. Persidangan ditempuhkan selama 5 atau 10 minit.

Persidangan ditempuhkan pada pukul 2.54 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.04 ptg.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri mengemukakan jawapannya dalam Kepala B. 22 dan P. 22.

Kepala B. 22 (Jadual)—

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.05 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, saya suka mengambil kesempatan ini bagi pihak Menteri Pertahanan, mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan membuat teguran serta syor-syor bagi memperbaiki kedudukan Kementerian Pertahanan dan kebajikan anggota-anggota Angkatan Tentera.

Perhatian berat yang diambil oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya ke atas kebajikan anggota-anggota tentera dan keluarga mereka, saya percaya dan yakin tentulah, dihargai oleh sekalian anggota tentera dan minat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di atas kebajikan mereka itu saya percaya dan yakin akan menjadi peransang kepada mereka untuk memberikan khidmat yang lebih cemerlang.

Kementerian Pertahanan adalah sentiasa mengambil berat supaya sekalian anggota-anggota tentera, terutamanya anggota-anggota lain-lain pangkat (other ranks) mendapat layanan yang sebaik-baiknya dan mendapat segala kemudahan yang termampu diberikan oleh Kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, Mata Kuching, dan Ledang telah membangkitkan soal gaji dan elaun anggota-anggota tentera.

Suka saya menjelaskan di sini iaitu anggota-anggota tentera adalah dibayar gaji dan elaun-elaun mengikut syor Jawatankuasa Sheikh Abdullah yang baharu dilaksanakan dalam tahun 1972. Adalah difikirkan bahawa gaji dan elaun ini berpatutan dengan jenis tugas-tugas angkatan tentera. Bahkan jika

dibandingkan dengan pekerja-pekerja awam lain yang mempunyai kelulusan persekolahan yang sama, maka didapati gaji dan lain-lain kemudahan yang diterima oleh anggota-anggota tentera adalah lebih baik.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga telah membangkitkan bahawa elaun yang dibayar pada masa anggota-anggota tentera menjalankan operation tidak mencukupi.

Yang sebenarnya tidak ada sebarang elaun dibayar kepada anggota tentera semasa mereka di dalam operation. Dalam masa menjalankan tugas operation mereka adalah diberi catuan makanan (rations) dan keperluan yang lain.

Gaji dan elaun-elaun yang dibayar kepada anggota tentera memang sudah termasuk element bagi tugas-tugas operation yang mereka jalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, selain daripada gaji, anggota-anggota tentera adalah dibayar elaun-elaun seperti berikut :

- (a) Elaun sewa rumah jika tidak tinggal di rumah yang disediakan oleh Kerajaan;
- (b) Elaun perjalanan dari rumah ke tempat bekerja pergi balik;
- (c) Elaun Trade/Teknik (Trade/Technical Allowances) bagi mereka yang mempunyai sesuatu kepandaian pertukangan atau teknikal;
- (d) Elaun Star Classification mengikut kemahiran mereka, misalnya handal menembak.

dan beberapa jenis elaun lagi yang tidak dibayar kepada pekerja-pekerja awam.

Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching telah mengesyorkan supaya kadar gaji dan elaun anggota tentera diulangkaji.

Seperti yang telah saya katakan ulangkaji baharu sahaja dijalankan dalam tahun 1972, dan Kerajaan telah membelanjakan sebanyak S42 juta bagi melaksanakan syor laporan Sheikh Abdullah. Walaupun begitu, kadar gaji dan elaun dan syarat-syarat perkhidmatan anggota-anggota tentera adalah juga dikaji lagi oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali. Sama-samalah kita tunggu keputusannya.

Tuan Pengerusi, soal perumahan bagi anggota-anggota tentera adalah satu perkara yang sangat dititikberatkan oleh Kerajaan. Ini jelas daripada peruntukan yang besar yang diminta. Dengan tamatnya Rancangan Malaysia Kedua sebanyak 27,643 buah rumah kelamin dijangka akan siap dibina. Sungguhpun begitu masih lagi didapati kekurangan rumah bagi menampung kesemua anggota tentera terutamanya di kawasan Kuala Lumpur.

Bagi menyelesaikan masalah ini, sebagai langkah jangka pendek, Kementerian Pertahanan membeli atau menyewa rumah-rumah pangsa dari Perbadanan Kemajuan Negeri atau Majlis Bandar Raya. Pada masa sekarang sebanyak 2,050 buah rumah-rumah pangsa disewa secara ini di seluruh negara.

Rumah-rumah yang disewa ini adalah disifatkan sebagai rumah-rumah Kerajaan untuk diduduki oleh anggota-anggota tentera. Oleh yang demikian rumah-rumah seperti mana rumah-rumah Kerajaan yang lain ia tidaklah akan dijual kepada penghuninya, seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Setapak.

Tuan Pengerusi, anggota-anggota tentera terpaksa berhenti daripada perkhidmatannya setelah berkhidmat selama 10 tahun, 12 atau 15 tahun sehabis-habis lamanya selama 21 tahun. Yang demikian pada masa berhenti itu umur mereka adalah masih muda iaitu di antara 30 hingga 35 tahun.

Peraturan seperti ini terpaksa dibuat kerana pekerjaan ketenteraan (military services) itu ialah satu pekerjaan yang berat, yang memerlukan kepada tenaga dan kesihatan badan yang paling tinggi. Oleh yang demikian tidaklah dapat diterima syor Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang meminta perkhidmatan anggota-anggota tentera ini dilanjutkan. Begitu juga tidaklah praktik (practical), bahkan tidak wajar sama sekali, diasingkan satu kumpulan askar tua yang membuat kerja-kerja ringan dan satu kumpulan askar muda yang membuat kerja-kerja berat!

Usaha-usaha pemulihan (rehabilitation) anggota tentera yang telah berhenti atau bersara juga mendapat perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya suka menegaskan di sini bahawa Kementerian Pertahanan mengambil berat di atas hal pemulihan bekas-bekas perajurit ini dan satu Bahagian Khas di Kementerian ini telah ditugaskan

menguruskannya. Seperti yang dikemukakan di dalam Anggaran Perbelanjaan sejumlah \$4.4 juta telah diperuntukkan bagi rancangan menubuhkan satu pusat pemulihan dan latihan di Sungei Buloh. Dalam tahun 1976 sejumlah \$1.5 juta akan dibelanjakan bagi mendirikan pusat itu.

Tuan Pengerusi, adalah diharapkan dengan terdirinya Pusat Pemulihan ini kelak rancangan-rancangan latihan akan dapat diadakan dengan lebih berkesan dan dengan itu peluang bagi bekas-bekas perajurit mendapat pekerjaan di luar akan lebih terbuka dan cerah lagi.

Suka saya menegaskan, Tuan Pengerusi, bahawa bukanlah tujuan Kementerian Pertahanan memberi pekerjaan kepada bekas-bekas perajurit tetapi tujuannya ialah memberi segala pertolongan supaya membolehkan mereka mendapat pekerjaan di luar.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah membangkitkan soal mendapatkan tanah bagi bekas-bekas perajurit.

Dengan kerjasama FELDA, Kementerian Pertahanan ada menjalankan satu rancangan menempatkan bekas-bekas perajurit di rancangan-rancangan tanah. FELDA adalah memberi keutamaan kepada bekas-bekas perajurit dan had umur kemasukan mereka telah dinaikkan daripada 40 ke 45 tahun.

Begitu juga dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang satu rancangan khas bagi bekas-bekas perajurit telah diadakan dalam rancangan tanah Sungei Koyan di mana seramai 363 orang bekas perajurit ada mengambil bahagian. Di sini saya suka menyeru Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut contoh Kerajaan Pahang dan memperuntukkan tanah bagi rancangan khas untuk bekas perajurit.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat tegoran dan syor di atas pembesaran Angkatan Tentera dan di atas cara-cara menjimatkan perbelanjaan. Semua teguran dan syor-syor ini diambil ingatan untuk pelaksanaan. Tetapi saya suka menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menasihatkan supaya kita jangan membeli kelengkapan dan alat-alat yang sophisticated seperti Australia membeli kapal terbang

F-111. Beliau juga mencadangkan supaya pembelian dibuat secara Kerajaan dengan Kerajaan (Government to Government basis).

Bukanlah tujuan kita membeli alat-alat kelengkapan yang begitu sophisticated semata-mata untuk bertanding dengan negara-negara lain atau to keep up with the Joneses. Kita hanya membeli kelengkapan dan alat-alat yang difikirkan boleh memainkan peranan di dalam strategi pertahanan negara kita mengikut kemampuan kewangan dan juga kebolehan menggunakannya oleh angkatan tentera kita. Kapal terbang pejuang F-5E, misalnya, ialah jenis yang sehabis-habis murah bagi keperluan pertahanan negara yang basic. Tidak lebih dari itu.

Berkenaan dengan cadangan pembelian secara Government to Government, ini tidak mungkin dibuat bagi kesemua pembelian oleh sebab amalan free enterprise yang diamalkan di kebanyakan negeri atau negara terutamanya bagi alat-alat kelengkapan yang tidak dikawal. Walaupun begitu pembelian adalah dibuat secara open tender atau secara rundingan dengan pembekal-pembekal.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menegur bilangan jawatan yang kurang bagi tahun 1976 (86,309) jika dibandingkan dengan tahun 1975 (87,561).

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat bilangan yang ditunjukkan itu ialah bilangan perjawatan dan bukannya bilangan anggota. (Number of establishments, not number of bodies). Kekurangan perjawatan bagi tahun 1976 itu ialah hasil dari kajian yang telah dibuat sebagai langkah jimat cermat iaitu memotong mana-mana jawatan yang tidak diperlukan lagi. Suka saya menegaskan bahawa jumlah anggota adalah sama, bahkan bilangan perjawatan ini akan ditambah dengan jawatan-jawatan yang perlu jika rancangan pembesaran kita dipersetujui di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Beliau telah juga menyebut berkenaan dengan projek Maktab Turus Tentera (Military Staff College).

Projek ini telah diluluskan pada dasarnya tetapi kerja-kerja pembangunannya telah tergendala oleh sebab banyaknya kerja site work yang perlu dijalankan. Projek ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ketiga.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah mengesyorkan supaya pembelian alat-alat kelengkapan diselaraskan dengan keperluan badan-badan lain supaya mencapai ekonomi dalam penyelenggaraan.

Mana yang boleh terutamanya bagi common items seperti uniform dan sebagainya, pembelian adalah dibuat oleh Perbendaharaan (Treasury), bagi keperluan semua Kementerian-kementerian yang berkenaan. Tetapi bagi keperluan-keperluan khas angkatan tentera, ini tidaklah dapat dibuat kerana keperluan kententeraan adalah berlainan daripada keperluan awam. Misalnya tidak mungkin diselaraskan pembelian kapal terbang dan injinnya kerana jenis yang digunakan oleh angkatan tentera adalah berlainan daripada jenis penggunaan civil aviation.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga telah menyentuh berkenaan dengan kedudukan hospital tentera di Kinrara.

Yang sebenarnya hospital ini bukanlah hospital, bahkan ialah markas bagi Military Field Ambulance. Kementerian Pertahanan sedang mengkaji dasar dan keperluan bagi menubuhkan satu sistem hospital tentera meliputi hospital-hospital Terendak, Kinrara dan Kluang.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengesyorkan Kerajaan mendirikan kilang senjata supaya kita tidak bergantung kepada negeri lain.

Memandangkan kepada keperluan kita yang kecil, harus tidak ekonomik dikeluarkan senjata-senjata itu dalam negeri. Tetapi Kementerian Pertahanan sedang mengkaji perkara ini dan Kementerian Pertahanan sedar bahawa pergantungan kepada negeri luar bagi bekalan-bekalan senjata itu sangatlah sulit. Langkah pertama ke arah ini telahpun dibuat dengan adanya kilang peluru kita sendiri di Batu Arang.

Tentang pembelian senjata dan alat kelengkapan ini beberapa orang Ahli telah menasihatkan supaya berhati-hati dan kita hanya membeli senjata-senjata yang baik mutunya.

Sukalah saya menegaskan bahawa semua barang-barang yang dibeli baik senjata, alat kelengkapan dan lain-lain keperluan adalah dari jenis yang sebaik-baiknya mengikut pendapat pakar-pakar kita setelah membuat

beberapa ujian. Dalam hal ini kemampuan kewangan kita ada juga diambil pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah mendakwa bahawa ada pakatan di antara pegawai-pegawai dengan kontrektor.

Suka saya menjelaskan bahawa semua pembelian dan bekalan dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dan jika ada didapati penyelewengan maka tindakan tatatertib adalah diambil ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat ada mempunyai bukti di atas dakwaannya, silalah lapurkan kepada pihak yang berkenaan dengan seberapa segera yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban meminta Kerajaan mengkaji penyalahgunaan dadah dalam Angkatan Tentera.

Memang ada didapati beberapa kejadian menyalahgunakan dadah dalam angkatan tentera. Langkah-langkah adalah diambil bagi menahan daripada merebaknya kejadian ini melalui saluran nasihat dan ajaran agama dan juga nasihat dan ajaran serta cegahan pihak perubatan tentera.

Soal pengambilan orang-orang dari Malaysia Timur dan soal seimbangan kaum-kaum di dalam angkatan tentera juga telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Adalah menjadi dasar Kementerian Pertahanan mengambil rekrut yang lebih ramai dari Sabah dan Sarawak, bahkan beberapa kelonggaran syarat telah dibuat bagi membolehkan orang-orang dari Sabah dan Sarawak memasuki Angkatan Tentera.

Berkenaan dengan bilangan kaum-kaum pula, orang-orang dari keturunan China dan India memang digalakkan memasuki pasukan-pasukan tentera yang keanggotaannya terbuka kepada sekalian kaum. Malangnya tidak ramai yang ingin masuk melainkan ke pasukan-pasukan teknik. Sukalah saya mengambil peluang ini, Tuan Pengerusi, menyeru sekalian warganegara dari keturunan China, India dan lainnya supaya membuktikan ketaatan dan kesanggupan mereka berkorban untuk tanahair dengan memasuki angkatan tentera.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban mencadangkan supaya pengkalan Tentera Laut didirikan di Pantai Timur dan beliau ragu di atas kesusahan pembinaan pengkalan Udara di Subang.

Lumut telah dipilih setelah dijalankan kajian beberapa lama kerana Lumut adalah satu pelabuhan semulajadi (natural harbour) dan terlindung dari musim tengkujuh. Yang demikian Lumut adalah sangat sesuai untuk dijadikan Pengkalan Laut. Sungguhpun begitu Pantai Timur tidak ketinggalan, kerana Kuantan akan dijadikan sebagai Pengkalan Hadapan (Advanced Base) dan rancangan pembinaannya sedang diselenggarakan bersama-sama dengan rancangan Pelabuhan Kuantan.

Begitu juga Subang dipilih sebagai kawasan yang sesuai sekali untuk Pengkalan Tentera Udara, selain daripada ekonomi yang akan didapati dengan cara bersama-sama menggunakan kemudahan yang sedia ada. Perjalanan Pengkalan Udara dijangka tidak akan menghalang atau mengganggu perjalanan penerbangan awam kerana pengkalan Udara ini di tempat yang berasingan. Dari segi keselamatan yang dijangka tidak akan menjadi halangan kerana hanya kapal terbang pengangkut sahaja akan ditempatkan di situ.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya suka menyentuh beberapa perkara dasar yang telah dibangkitkan.

Perkara lantikan Menteri Pertahanan yang tetap telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Suka saya menyatakan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang akan melantik seorang Timbalan Menteri Pertahanan pada 1hb Januari, 1976 bagi membantunya menjalankan tugas-tugas Pertahanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Seremban, Mata Kuching dan Kepala Batas telah mencadangkan diadakan kerahan tenaga atau National Service.

Kerajaan memang sedar akan kebaikan National Service sebagai satu alat untuk melibatkan semua warganegara untuk pertahanan. Tetapi pada masa ini kerajaan fikirkan belum sampai masanya diadakan National Service.

Tuan Pengerusi, banyak lagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan yang tidak berkesempatan bagi saya memberi jawapan satu persatu. Seperti yang saya katakan awal-awal tadi, semuanya akan diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, Dewan diminta meluluskan peruntukan bagi Kementerian Pertahanan bagi tahun 1976 di bawah Kepala B. 22 sebanyak \$900 juta dan Kepala P. 22 sebanyak \$125,611,040.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$900,000,000 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$125,611,040 untuk Kepala P. 22 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagaimana saya sudah sebutkan petang semalam bahawa pada hari ini selepas kita membahaskan peruntukan Kementerian Pertahanan, kita balik kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Kepala B. 20 dan P. 20. Saya hendak ulang lagi pesanan saya semalam kita telah terlewat pekerjaan kita dalam Jawatankuasa ini dan saya haraplah apa-apa teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat diminta biarlah tepat dan juga dengan seberapa ringkas yang boleh supaya tidaklah mustahak atau terpaksa kita kena bersidang ke malam hari. Sekarang saya suka mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengemukakan Kepala B. 20 dan P. 20.

Kepala B. 20 (Jadual)

Kepala P. 20 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.28 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Pembangunan Tahun 1976 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berjumlah sebanyak \$37,104,620. Dari jumlah ini \$31,901,600 adalah Anggaran Belanja Mengurus dan \$5,203,020 adalah Anggaran Pembangunan, masing-masing di bawah Kepala Bekalan 20 dan Kepala Pembangunan 20.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, antara lain, adalah bertanggungjawab terhadap penggalakan pelaburan dan perkembangan di sektor perindustrian, penggalakan ekspot keluaran kilang-kilang tempatan, kawalan impot untuk tujuan melindungi industri tempatan, kawalan ekspot, bekalan dalam negeri dan harga barang-barang keperluan untuk tujuan menentukan bekalan barang-barang keperluan dalam negeri adalah mencukupi dan diparas harga yang berpatutan. Kementerian ini juga bertanggungjawab mengawasi aktiviti-aktiviti Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA), Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Perbadanan Kemajuan Pelancungan.

Kejayaan yang dicapai dalam sektor perindustrian setakat ini boleh dikatakan adalah menggalakkan. Di antara tahun 1971 hingga bulan September tahun 1975, sebanyak 1,970 projek perindustrian telah diluluskan, dengan jumlah pelaburan modal yang dicadangkan sebanyak \$5,560 juta dan peluang-peluang pekerjaan yang akan diwujudkan sebanyak 285,000 pekerjaan. Jika dibandingkan dengan matlamat-matlamat dalam Rancangan Malaysia Kedua, kejayaan yang dicapai adalah melebihi matlamat-matlamat itu. Dari segi gunatenaga peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan sebanyak 285,000 melebihi peluang-peluang pekerjaan yang dianggarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua iaitu sebanyak 108,000. Dari segi pelaburan modal pula angka ini melebihi matlamat sebanyak \$1,850 juta dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975.

Walaupun sektor perindustrian ini telah berkembang dengan pesatnya, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mempergiatkan lagi perkembangannya. Bersabit dengan ini kita masih memerlukan pelaburan modal serta teknologi dari luar negeri seperti menghantar beberapa misi galakan pelaburan, mengadakan seminar-seminar pelaburan di dalam dan luar negeri, dan menubuhkan banyak lagi pusat-pusat pelaburan di luar negeri.

Kementerian saya akan terus menggalakan perkembangan perindustrian yang berasaskan barang-barang mentah daripada hasil-hasil pertanian dalam negeri. Pertumbuhan perindustrian ini adalah penting untuk

memodenkan sektor pertanian sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, khususnya dengan menggunakan seberapa banyak bahan-bahan mentah tempatan dan untuk mengujudkan seberapa banyak peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan. Matlamat akhirnya ialah untuk merapatkan jurang di antara kawasan-kawasan luar bandar dengan kawasan-kawasan bandar. Di antara tahun 1971 hingga bulan September tahun 1975, sebanyak 305 projek perindustrian yang berasaskan pertanian telah diluluskan oleh Kerajaan, iaitu 18% daripada jumlah projek-projek perindustrian yang telah diluluskan dalam tempoh masa itu. Projek-projek ini melibatkan pelaburan sebanyak \$1,084 juta dan mengujudkan peluang-peluang pekerjaan sebanyak 56,000.

Dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) tekanan telah barulah daripada projek-projek perindustrian bagi mengeluarkan barang-barang yang biasa dimpot dari luar negeri kepada projek-projek perindustrian yang bertujuan mengeluarkan barang-barang untuk diekspot. Kejayaan yang dicapai setakat ini adalah juga menggalakkan. Dalam tahun 1971 cuma ada 52 projek perindustrian yang mengeluarkan barang-barang untuk ekspot. Bilangan ini telah meningkat kepada 107 dalam tahun 1972, 160 dalam tahun 1973 dan 169 dalam tahun 1974 dan 110 dari bulan Januari hingga bulan September tahun 1975. Kejayaan ini adalah berasaskan kepada galakan-galakan pelaburan yang disediakan dan langkah-langkah penganjuran yang diambil oleh Kerajaan dan sambutan yang diberi oleh pelabur-pelabur dan juga pengusaha-pengusaha.

Dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) Kementerian saya akan menitikberatkan projek-projek perindustrian yang menggunakan teknologi dan kejuruteraan yang berperingkat tinggi. Langkah ini diambil memandangkan bahawa peringkat kemajuan perindustrian yang dicapai di dalam negeri ini sekarang sudah memerlukan barang-barang keluaran "high technology industries" seumpama "machine tools, precision control instruments, moulds and dies". Malaysia akan juga membuka peluang-peluang dalam perindustrian-perindustrian yang berasaskan "base mental", minyak dan gas. Untuk memajukan perindustrian ini Kementerian saya bercadang menubuhkan

Pusat Pembangunan Perusahaan Logam, Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sebagai langkah mempercepatkan perkembangan dalam bidang-bidang ini.

Memandangkan teknologi semakin mustahak di dalam usaha untuk mempercepatkan lagi kemajuan dan pertumbuhan perindustrian di kalangan negara-negara yang sedang membangun, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang dalam proses menubuhkan satu Yunit Penyaluran Teknologi (Transfer of Technology Unit). Tugas Yunit ini ialah untuk mengkaji dan memproses segala perjanjian-perjanjian di antara pengusaha-pengusaha tempatan dan pengusaha-pengusaha asing. Adalah diharapkan dengan penubuhan Yunit ini, teknologi yang sesuai akan dapat disalurkan dengan lebih berkesan lagi.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan menggalakkan penempatan projek-projek perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju dengan mengadakan insentif-insentif ataupun galakan-galakan dan kemudahan-kemudahan yang tertentu. Setakat ini pelaksanaan dasar ini adalah menggalakkan. Dalam pada itu masih ada lagi kawasan-kawasan yang belum dibuka bagi perindustrian. Kemajuan perindustrian di kawasan-kawasan ini bergantung kepada kerjasama juga daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti kawasan-kawasan perindustrian dan infrastruktur. Walau bagaimanapun, sukacita saya nyatakan bahawa bilangan projek-projek perindustrian yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju meningkat dari setahun ke setahun. Peratus projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan ini berbanding dengan jumlah projek-projek perindustrian telah meningkat dari 43% dalam tahun 1971 kepada 52% dalam tahun 1972, 58% dalam tahun 1973, 63% dalam tahun 1974 dan 66% bagi tempoh masa 9 bulan dalam tahun 1975. Dari segi pelaburan modal yang dicadangkan dalam tahun 1973 sebanyak \$630 juta adalah pelaburan bagi kawasan-kawasan yang kurang maju. Angka ini meningkat kepada \$1,276 juta ataupun 80% dalam tahun 1974 dan 86% bagi tempoh masa 9 bulan dalam tahun 1975. Dari segi gunat tenaga pula, 64% daripada jumlah pekerjaan yang diujudkan dalam tahun 1973 terdapat di kawasan-kawasan

yang kurang maju. Peratusnya meningkat kepada 77% dalam tahun 1974 dan 86% bagi tempoh masa 9 bulan dalam tahun 1975.

Tuan Pengerusi, suatu bidang perusahaan yang turut memberi sumbangan kepada ekonomi negara dan kian bertambah penting ialah pelancungan. Dengan perkembangan perusahaan pelancungan ini negara kita khususnya rakyat Malaysia secara langsung dapat faedah dan keuntungan dari segi pendapatan matawang asing yang dibelanjakan oleh pelancung-pelancung. Perbelanjaan pelancung melibatkan bayaran penginapan, perjalanan dalam negeri, pembelian barang-barang cenderamata, makanan dan minuman hiburan dan jua "tippings" ke atas khidmat yang diberikan.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Selain dari pendapatan mata wang asing, perusahaan pelancungan juga memberi nafas baru kepada perusahaan hotel, motel, kompleks pelancungan, syarikat pengangkutan dan sebagainya. Semua perusahaan ini mengujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara kita. Di samping itu perusahaan pelancungan juga dapat menghidupkan industri pertukangan tangan kerana pelancung-pelancung suka memberi cenderamata-cenderamata.

Pelawat-pelawat yang datang ke negara ini bertambah dari setahun ke setahun—seramai 832,111 orang dari bulan Januari hingga bulan September tahun ini berbanding dengan seramai 800,292 orang bagi masa yang sama pada tahun 1974. Angka ini tidak termasuk orang-orang Singapura yang datang ke Malaysia dengan kereta melalui Tambak Johor. Jika mereka ini dikira, angka kedatangan pelancung ke negara kita ialah 2,855,970 orang sehingga bulan September tahun ini.

Di bidang pembangunan pelancungan pula, Perbadanan Kemajuan Pelancungan telahpun menyediakan satu Pelan Indok Pembangunan Pelancungan di mana tempat-tempat yang mempunyai potensi menarik pelancung-pelancung telah dikaji untuk pembangunan. Pelan Indok Pembangunan ini juga di antara lain akan merancang pembangunan perusahaan pelancungan supaya kesemua tempat-tempat menarik diusahakan sesuai dengan kemahuan pelancung dari dalam dan juga dari luar negeri.

Tuan Pengerusi, memandangkan kemajuan ekonomi Malaysia banyak bergantung kepada peranan sektor eksport, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap usaha-usaha untuk mengembangkan sektor eksport di bidang barang-barang keluaran kilang-kilang perindustrian. Nilai eksport barang-barang keluaran kilang-kilang dalam tahun 1971 ialah \$574 juta. Ini meningkat kepada \$769 juta dalam tahun 1972, \$1,186 juta dalam tahun 1973, \$1,504 juta dalam tahun 1974 dan dianggarkan sebanyak \$1,680 juta dalam tahun 1975. Ini menunjukkan perkembangan 193% di antara tahun 1971 dengan tahun 1975.

Saya sedar bahawa untuk mempergiatkan lagi eksport barang-barang keluaran kilang, kita memerlukan pasaran yang luas di luar negeri. Di atas kesedaran inilah maka dalam tahun 1974 dan sehingga bulan November tahun ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menghantar dan menerima beberapa rombongan perdagangan dari Asia Barat dan Eropah Timur dan juga mengambil bahagian di beberapa pameran perdagangan antarabangsa di negara-negara tersebut. Usaha-usaha juga telah diambil untuk menggalakkan eksport ke Republik Rakyat China. Dalam tahun 1976 Kementerian bercadang menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke beberapa negara termasuk Asia Barat, negeri-negeri di Scandinavia dan juga di Afrika Timur.

Di samping itu, dalam tahun 1976 Kementerian bercadang untuk mengambil bahagian di pameran-pameran perdagangan antarabangsa di Paris, Jerman Barat, Jerman Timur dan juga di United Kingdom.

Tuan Pengerusi, sungguhpun tekanan inflasi telah beransur kurang dengan kadar purata inflasi turun dari 19% bagi tahun 1974 kepada 5.6% bagi tempoh masa 9 bulan tahun ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terus menjalankan tindakan-tindakan bagi mengawasi harga barang-barang keperluan dan bekalan barang-barang itu supaya barang-barang tersebut sentiasa diperolehi dengan harga yang berpatutan, dengan seumpamanya mengistiharkan 21 jenis lagi barang-barang keperluan sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961, sebagai tambahan kepada 18 jenis barang-barang kawalan yang

telah diistitarkan dahulu. Langkah ini diambil untuk memastikan supaya penyorokan barang-barang tersebut tidak berlaku dalam musim perayaan dan para pengguna tidak akan menjadi mangsa kepada sebarang kenaikan harga yang tidak berpatutan dan kekurangan bekalan yang sengaja diadakan.

Tindakan juga telah diambil untuk mesenankan pengeluaran, pengedaran dan perniagaan borong dan runcit terhadap minyak petrol, disel dan bar bulat keluli lembut ataupun round steel bars sebagai tambahan kepada 5 jenis barang yang telah dikenakan lesen iaitu gula, minyak tanah, tepung gandum, minyak masak dan baja. Peraturan perlesenan ini yang dilaksanakan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan, 1974, bertujuan untuk mencegah pengilang-pengilang dan pengedar-pengedar daripada melakukan penyorokan barang-barang tersebut dan untuk membolehkan Kementerian ini mengawasi sistem pengeluaran dan pengedaran barang-barang itu supaya bekalannya kepada pengguna-pengguna dapat dijamin. Sebanyak 35,562 lesen telah dikeluarkan sehingga 30-9-75.

Mengenai masaalah kekurangan bekalan minyak tanah yang sedang dihadapi oleh setengah-setengah tempat di negara kita sekarang ini, saya memanglah menyedarinya dan langkah-langkah yang sewajarnya sedang diambil untuk mengatasi masaalah ini. Satu Jawatankuasa Kabinet Khas telah dibentuk untuk mengkaji dengan mendalam dan teliti masaalah ini dan membuat syor-syor yang tertentu kepada Kerajaan tentang cara-cara mengatasi masaalah ini.

Kempen Anti-Sorok yang telah dimulakan pada 1hb Mac, 1974 masih terus dijalankan. Tujuan utama Kempen ini ialah untuk mencegah penyorokan barang-barang keperluan dan perniagaan yang tidak sihat serta ditujukan kepada peniaga-peniaga yang bertujuan membuat keuntungan yang berlebihan. Di antara 1hb Januari, 1975 hingga hujung bulan Oktober, 1975, sejumlah 21,974 pemeriksaan mengejut telah dibuat. Dari jumlah ini sebanyak 47 kes kesalahan penyorokan telah dapat dikesan. Ini menunjukkan kegiatan itu masih lagi dijalankan.

Tindakan sedang juga diambil bagi mewajibkan peniaga-peniaga di peringkat pengilang, pengimpot, pemborong dan peruncit mempamirkan di antara lain harga

barang-barang di peringkat masing-masing. Dengan ini pengguna-pengguna dapat mengetahui perbezaan harga di peringkat-peringkat berkenaan dan dengan secara tidak langsung dapat mencegah kenaikan harga yang keterlaluan.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Bahagian Penyertaan Bumiputra sedang menumpukan tenaga bagi memperluaskan penyertaan Bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian terutamanya dalam bidang buat masa ini pengedaran barang-barang yang dijual di pasaran.

Sungguhpun angka-angka ini menunjukkan bilangan pengedar Bumiputra bertambah dalam tahun ini jika dibandingkan dengan tahun lepas, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan:

- (i) berusaha menambahkan dan menentukan bahawa jumlah yang diedarkan oleh pengedar-pengedar Bumiputra akan mencapai peratus yang tinggi lagi;
- (ii) berusaha menggalakkan peniaga-peniaga Bumiputra supaya cenderung mengedarkan barang-barang lain seperti barang-barang letrik, barang-barang kimia, barang-barang keperluan pejabat dan barang-barang seumpamanya; dan
- (iii) berusaha menambahkan bilangan pengedar-pengedar Bumiputra bagi barangan-barangan kilang yang lain sesuai dengan matlamat Kerajaan.

Di samping itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Pusat Daya Pengekualan Negara sedang giat memberi kemudahan-kemudahan kepada kaum Bumiputra di sektor swasta amnya dan kepada mereka yang ingin menceburkan diri di dalam bidang perniagaan dan perindustrian khususnya bagi menyertai kursus-kursus dan seminar-seminar pengurusan untuk pengurus/penyelia Bumiputra.

Sekarang saya hendak membentangkan Anggaran Pembangunan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang memerlukan peruntukan sebanyak \$5,203,020 untuk membiayai projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh badan-badan berkanun di bawah Kementerian ini dalam tahun 1976. Daripada jumlah ini \$3,511,010 ialah wang pinjaman.

(a) Pusat Daya Pengeluaran Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$1 juta untuk melaksanakan projek-projek berikut:

(i) \$999,990 dikehendaki untuk membina sebuah Instituti Latihan Hotel dan Restoran. Projek ini mengadungi satu blok latihan akademik dan satu blok hotel/restoren. Pembinaan projek ini dijangka bermula pada bulan Jun, 1976 dan dijangka siap dalam tahun 1978. Tujuan utama mengadakan Instituti ini ialah untuk meninggikan lagi mutu kemahiran kakitangan hotel dalam perusahaan hotel dan restoran dengan memberi penekanan bukan sahaja dari segi kemahiran amali dan praktik tetapi juga kemajuan dari segi operasi, penyertaan dan pengurusan.

Peruntukan yang dikehendaki untuk tahun 1976 ini ialah bagi kerja-kerja pembinaan peringkat permulaan yang akan dijalankan dalam bulan Jun, 1976.

(ii) Peruntukan tanda sebanyak \$10 dikehendaki untuk membina 13 buah bilik sebagai tambahan kepada pejabat Pusat Daya Pengeluaran Negara yang ada sekarang. Pembinaan 13 bilik tambahan ini diperlukan oleh kerana kesesakan ruang untuk menempatkan pegawai-pegawai yang bertambah bilangannya dari setahun ke setahun. Misalnya, dalam tahun 1972 Pusat itu hanya mempunyai 28 pegawai berbanding dengan 40 orang pegawai pada tahun 1975 dan jumlah ini akan bertambah pada tahun hadapan. Separuh dari bilik-bilik tambahan ini akan digunakan sebagai bilik-bilik kuliah.

(b) Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia memerlukan pinjaman sebanyak \$3,511,010 untuk membiayai projek-projek berikut:

(i) Pinjaman sebanyak \$3 juta dikehendaki untuk membolehkan Perbadanan Kemajuan Pelancungan memberi sumbangan ekuiti terhadap projek Kelab Mediter-

raanee. Projek ini yang bertempat di Kuantan, Pahang ialah sebuah projek usahasama di antara Perbadanan Kemajuan Pelancungan, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pahang dan Kelab Mediterranean. Jumlah Pelaburan modal bagi projek ini adalah ditaksir sebanyak \$23 juta dan daripada jumlah itu \$9.4 juta (atau 40% ialah "equity participation" (penyertaan equity) daripada Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Manakala siap kelak kompleks ini mengadungi 300 buah bilik dan 600 tempat-tempat tidur terletak di atas kawasan seluas 100 ekar untuk kemudahan pelawat-pelawat. Dengan tertubuhnya projek ini kelak, bilangan pelancungan yang datang ke Pantai Timur akan bertambah. Peluang-peluang pekerja akan juga bertambah. Di samping memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia, adalah diharapkan projek ini akan menjadi asas kepada aktiviti-aktiviti perindustrian yang lain.

(ii) Pinjaman sebanyak \$511,010 diperlukan untuk projek Motel Rantau Abang, Trengganu, iaitu sebuah lagi projek pelancungan di Pantai Timur. Di bawah projek motel ini 66 buah bilik akan dibina di Pantai Penyu Bertelur di kawasan Rantau Abang, Trengganu, dan di samping itu ia akan juga mengandungi berbagai kemudahan lain untuk pelawat-pelawat. Dengan terdirinya projek ini, adalah diharapkan bilangan pelancung yang melawat Trengganu khususnya dan Pantai Timur amnya akan bertambah.

(c) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) memerlukan peruntukan tanda sebanyak \$10 bagi memulakan penubuhan Pusat Pembangunan Perusahaan Logam, Malaysia (Malaysia Metal Industries Development Centre), iaitu satu projek yang ditubuhkan dengan kerjasama UNDP/UNIDO. Objektif Pusat ini ialah untuk mengujudkan keadaan-keadaan yang lebih sesuai bagi perkembangan pelaburan, menggalakkan perusahaan "tool-making

and metal working" secara pertunjukan teknik-teknik, menyediakan perkhidmatan nasihat kepada perindustrian yang sedia ada, membantu penubuhan perindustrian baru, mengadakan "design capabilities" tempat, rekaan dan pembangunan "prototype" untuk keluaran-keluaran tertentu dan menjalankan aktiviti-aktiviti latihan.

- (d) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri memerlukan wang peruntukan sebanyak \$692,000 bagi membaiki dan membaharui Rumah Malaysia di London. Dengan adanya bangunan yang dibaharui ini, maka dapatlah kita mengadakan tempat yang lebih sesuai untuk pusat pameran perdagangan dan juga untuk Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di London. Pusat pameran perdagangan ini bertujuan untuk menunjukkan barang-barang keluaran Malaysia dari segi "range, quality and type" kepada "business community" di Britain semoga mereka tertarik hati untuk mengimpot barang-barang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya mohon Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$31,901,600 dan Anggaran Pembangunan sebanyak \$5,203,020 diluluskan.

4.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk campur ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merujuk Kepala B. 20 Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2).

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa?

Tuan Lee Lam Thye: Muka surat 137, Aktiviti (2) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, mengikut Buku Anggaran Belanjawan tugas utama yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan ialah untuk memberi nasihat kepada Yang Berhormat Menteri dalam menetapkan dan mengawal harga jenis barang-barang. Memandangkan peranan yang begitu penting mengenai Majlis Penasihat Pelindung

Pengguna Kebangsaan ini, akan tetapi saya rasa kesal bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna ini tidak dapat bergerak dengan berkesan untuk mengawal harga barang-barang dan untuk menentang inflasi.

Tuan Pengerusi, pengguna-pengguna tidak begitu sedar tentang aktiviti-aktiviti Majlis Penasihat ini. Berapa kali telah bermesyuarat sejak dia ditubuhkan. Dan samada dia mempunyai kakitangan yang cukup untuk menjalankan kerjanya. Sungguhpun Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan telah dibentuk akan tetapi pengguna-pengguna masih rasa kepentingan mereka tidak dibela. Pengguna-pengguna Malaysia khususnya mereka yang berpendapatan rendah masih menghadapi inflasi dan harga barang-barang keperluan mahal.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, as I have said, one of the reasons for the ineffectiveness of this Advisory Council is, perhaps, due to the Ministry's disregard of its real importance for at present it is not compulsory for the Minister to refer every application by any manufacturer for price increases to it for a decision. At the moment, the Minister still possesses the right to use his discretionary powers whether or not to refer any matters pertaining to price increases to the Advisory Council for a decision because under the Ministry's Regulations the Minister has still got the powers to refer price increases to the Cabinet Committee or the Ministry's own Price Review Committee for a decision without having to go to this Advisory Council.

Mr Chairman, Sir, another reason for the ineffectiveness of the National Advisory Council for consumers' protection lies in the manner in which it conducts its proceedings. At the moment, all such proceedings are conducted in private without the knowledge or the participation of the public. This should not be so. It is our view that this Advisory Council, if it is to be effective, should be allowed to conduct its proceedings in the public.

Selain daripada itu, jika Kementerian ini bersikap serious terhadap Majlis Penasihat ini, maka kami suka mencadangkan bahawa majlis tersebut patut dilengkapi dengan kakitangan yang cukup untuk menjalankan segala kerjanya. Kami juga mencadangkan bahawa diwajibkan oleh Kementerian

merujuk segala urusan tentang harga barang-barang kepada Majlis Penasihat itu untuk ditimbangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Aktiviti (6) mengenai Kemajuan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, Bahagian Perindustrian memastikan polisi perindustrian negara bergerak selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk memastikan dasar matlamat dan garis-garis kasar polisi perindustrian Kerajaan.

Atas bahagian ini, saya ingin berucap sedikit-sebanyak mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian yang telah dibentang dan diluluskan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan segala kegiatan-kegiatan pengilang-pengilang di negara Malaysia.

Tuan Pengerusi, semasa menjawab satu soalan daripada saya di Dewan ini pada 31-10-75, Yang Berhormat Menteri menegaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Akta ini.

Yang Berhormat Menteri pun ada menyatakan bahawa segala kebimbangan atau kekuatiran yang timbul di kalangan swasta terhadap Akta ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang dianggap tidak begitu difahami dengan tepatnya oleh pihak-pihak yang berkenaan terhadap tujuan-tujuan undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri juga telah menambah kata bahawa beliau dan pegawai-pegawai Kementeriannya telah mengatur seminar-seminar dan dialog-dialog dengan pengusaha-pengusaha supaya dapat memberi penjelasan tentang tujuan undang-undang ini. Kenyataan-kenyataan yang tersebut di atas telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengurangkan kebimbangan dan kekuatiran terhadap Akta tersebut. Akan tetapi, kebimbangan dan kekuatiran ini masih terdapat di kalangan pihak swasta atau pengilang-pengilang.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian, kami sekali lagi menggesa Kerajaan untuk mengambil segala langkah-langkah untuk memastikan bahawa sebelum Akta Penyelarasan Perindustrian dilaksanakan semua pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang dilafaskan oleh pihak swasta dan pengilang-pengilang akan ditimbangan dan diterima oleh Kementerian.

Mr Chairman, in this connection we also wish to propose here that a Parliamentary Watch-Dog Committee should be formed to ensure a fair and just implementation of this Industrial Co-ordination Act. We feel that it is important for such a Committee to be formed in view of the importance of such a legislation to govern all industrial activities in the country.

Tuan Pengerusi, atas Akta Kemajuan Perindustrian juga saya juga menyesyorkan kepada Kementerian ini supaya diperhebatkan usaha-usaha untuk menarik pemodal-pemodal asing dan pengusaha-pengusaha tempatan untuk membuka kilang-kilang di kawasan-kawasan yang kurang maju termasuk luar bandar. Objektif ini adalah sangat mustahak sekiranya Kerajaan mahu menjayakan sekim penempatannya dan menggalakan perkembangan perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju. Jikalau cadangan kami dapat diterima, maka kita dapat menentukan bahawa kegiatan-kegiatan perindustrian dapat dibahagikan sama rata (evenly distributed) di negara kita. Pembukaan atau pendirian kilang-kilang di kawasan-kawasan yang kurang maju termasuk luar bandar tentu memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang yang menganggur yang tinggal di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, sekiranya sekim penempatan ini hendak dijayakan, Kerajaan harus memastikan bahawa infrastruktur-infrastruktur dan lain-lain kemudahan dapat dibekalkan kepada pengusaha-pengusaha atau pengilang-pengilang samada dari luar negeri atau tempatan. Sekiranya kemudahan-kemudahan tersebut di atas tidak dapat diperolehi, maka saya tidak nampak bagaimana sekim penempatan Kerajaan dapat dijayakan.

Tuan Pengerusi, saya sekarang mahu menyentuh Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (4) Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan dan (ii) Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, peranan utama bahagian Perdagangan Antarabangsa ialah memajukan eksport barang-barang keluaran Malaysia dan mengeratkan perhubungan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara luar.

Tuan Pengerusi, atas Pecahan-kepala ini saya ingin menyentuh sedikit atas perkara ekspot Malaysia di seberang laut.

Bahagian Perdagangan Antarabangsa di Kementerian ini boleh memainkan satu peranan yang penting untuk memupuk ekspot barang-barang keluaran Malaysia di seberang laut melalui misi-missi perdagangan Malaysia di luar negeri dan juga rombongan-rombongan perdagangan. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya memerhatikan bahawa faedah-faedah yang telah dicapai oleh kita sehingga setakat ini tidak begitu memuaskan dan langkah-langkah baharu perlu diambil untuk memperhebatkan ekspot Malaysia di seberang laut. Dalam kontek ini saya ingin menyampaikan cadangan-cadangan yang berikut:

- (i) lebih banyak pameran perdagangan patut dikelolakan di luar negeri untuk memperkenalkan barang-barang keluaran Malaysia kepada pengguna-pengguna di luar negeri.

Di sini ingin saya mengesyorkan bahawa selain dari mengadakan pameran perdagangan di Jerman Barat dan Jerman Timur, Paris dan United Kingdom kita patut menyusun satu pameran perdagangan di Peking, Republik Rakyat China untuk menggalakkan perhubungan di antara kedua negara.

- (ii) lebih banyak misi perniagaan patut dibuka di seberang laut, khususnya di negara-negara yang kita belum ada misi perdagangan ini.
- (iii) rombongan perdagangan patut dihantar ke negara-negara seberang laut dari masa ke semasa untuk menubuhkan perhubungan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara itu.
- (iv) misi-missi perdagangan kita di luar negeri patut diperhebatkan usaha-usaha untuk memajukan ekspot-ekspot barang-barang keluaran Malaysia dan juga mengeratkan perhubungan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara luar negeri.

Tuan Pengerusi, mengenai penghantaran rombongan-rombongan perdagangan kita keluar negeri, langkah-langkah perlu diambil untuk menentukan bahawa rombongan-rombongan itu diketuai oleh orang-orang

yang berkalibar dan berkelayakan supaya faedah yang maksima dapat dicapai dari lawatan-lawatan ini. Kami juga ingin mencadangkan juga selepas kepulangan dari seberang laut rombongan-rombongan perdagangan tersebut patut melapurkan atas keputusan dan faedah-faedah yang telah dicapai oleh mereka.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ingin menyentuh Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (9) Pendaftaran Perniagaan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ada tiga minit lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Baik, terima kasih. Tuan Pengerusi atas perkara ini saya ingin merujuk kepada suatu pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian tidak lama dahulu bahawa semua penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dikecualikan dari mendaftar perniagaan mereka. Sungguhpun pengumuman itu dialu-alukan, akan tetapi saya memerhatikan bahawa bukan semua peniaga-peniaga kecil dikecualikan dari mendaftar perniagaan mereka mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan Tahun 1965, hanya peniaga-peniaga kecil yang bergerak atau mobile dan mereka yang mempunyai masa perniagaan yang terhad atau limited hours dikecualikan mendaftar, lain-lain perniagaan kecil tidak diberi hak ini dan mereka dikehendaki mendaftar perniagaan mereka mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan Tahun 1965.

Tuan Pengerusi, oleh kerana terdapat ramai peniaga-peniaga kecil yang berniaga tanpa masa perniagaan terhad, saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mereka juga dikecualikan mendaftar perniagaannya. Saya membuat rayuan ini oleh kerana peniaga-peniaga kecil itu menjalankan perniagaan kecil sahaja dan hanya menerima pendapatan yang cukup untuk menjaga mata pencarian dan juga untuk menjaga keluarga dan anak-anak mereka.

Berkaitan dengan Jabatan Pendaftaran Perniagaan di Kuala Lumpur, saya ingin menyatakan di sini bahawa sungguhpun Jabatan ini menghadapi beban-kerja yang berat, tetapi Timbalan Pendaftar Perniagaan dan rakan-rakannya ada berusaha sedaya-upaya untuk membantu orangramai.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan di sini bahawa Jabatan Pendaftaran Perniagaan ini dikehendaki mengelolakan lebih banyak dailog dengan peniaga-peniaga kecil supaya Jabatan itu dapat menerangkan peraturan-peraturan di dalam Ordinan Pendaftaran Perniagaan kepada mereka dan juga untuk memahami kesusahan peniaga kecil supaya langkah-langkah boleh diambil untuk mengatasinya. Terima kasih.

4.16 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini yang berjumlah \$37 juta lebih ini saya suka menyebutkan beberapa perkara. Yang pertama, Kepala B. 20 muka surat 137 Pecahan-kepala 1100—Aktiviti (4). Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan.

Tuan Pengerusi, mengenai kemajuan dan penggalakan perdagangan termasuklah dalam dan luar negeri. Dalam soal ini saya suka mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya lebih banyak menghantar misi-misi perdagangan keluar negeri, terutamanya kepada negara-negara Arab supaya kita dapat menarik modal ataupun perdagangan daripada negara-negara Arab kepada negara kita. Saya nampak sehingga sekarang ini negara-negara Arab kurang berminat untuk berdagang ataupun menanam modal di negara kita. Mungkin ada mempunyai satu-satu sebab yang tertentu yang boleh mengurangkan negara-negara yang kaya itu menanam modal di negara kita. Saya berharap benar kepada Kementerian yang berkenaan ini mengkaji dan menyelidik apakah punca-puncanya yang boleh menyebabkan negara-negara Arab ini kurang berminat untuk menanam modal ataupun berdagang dengan negara kita. Mungkin ada kesilapan-kesilapan yang tertentu, mungkin misi perdagangan kita yang kita hantar itu terdiri dari orang-orang yang tidak tahu berbahasa Arab misalnya, sedangkan kita tahu bahawa orang-orang Arab ini memang fanatik benar dengan orang-orang yang mengetahui bahasa Arab. Pada fikiran saya di negara kita ini tentulah kita tidak merasa apa-apa asalkan boleh berunding dan boleh berbicara walaupun berbahasa apa, tetapi kepada orang-orang Arab saya rasa memang mereka itu amat fanatik sekali dengan orang-orang yang mengetahui bahasa mereka.

Selain daripada itu, saya lihat di dalam aktiviti ini juga kekurangan yang amat sangat berlaku di dalam perjawatan, mungkin Kementerian ini memikirkan bahawa sudah mencukupi. Ini saya pun kurang yakin, tetapi pada pandangan saya bahawa bahagian ini juga mempunyai keperluan dan mempunyai usaha-usaha yang banyak dan memerlukan tenaga yang banyak bagi menarik modal-modal asing ke dalam negara kita.

Saya suka juga menarik perhatian Kementerian ini mengenai dengan dagangan barang-barang di dalam negara kita keluar negeri, terutamanya barang-barang perusahaan di dalam negeri seperti kain batik ataupun barang-barang usaha tangan yang dibuat di dalam negara kita ini. Saya dapati usaha dagang ataupun perdagangan kain-kain batik yang dibuat di dalam negara kita keluar negeri pada masa sekarang ini amat berkurangan sekali kalau hendak dibandingkan pada masa-masa yang lepas ataupun pada setahun dua tahun yang lepas. Ini mungkin mempunyai satu-satu sebab yang tertentu juga. Saya menaruh harapan yang besar kepada Kementerian ini supaya menyelidik dan mengkaji di manakah puncanya dan sebab-sebabnya yang kain-kain batik yang dibuat di dalam negara kita ini kurang menarik perhatian negara-negara lain. Adakah ini kerana barang-barang yang dibuat di dalam negara kita ini bertambah mahal harganya? Dengan kenaikan barang-barang kimia dan sebagainya ataupun adakah ini disebabkan makin rendah mutu ataupun lain-lainnya. Saya berharap benar-benar kepada Kementerian ini supaya mengatasi segala kelemahan ini mudah-mudahan kita dapat memberi pekerjaan kepada rakyat di dalam negara kita dan kita dapat menarik wang luar ke dalam negara kita dan seterusnya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan juga dalam Pecahan-kepala tadi juga iaitu Aktiviti (6) Kemajuan Perindustrian. Dalam soal ini walaupun saya tahu bahawa usaha-usaha telah dibuat untuk menarik kemajuan perindustrian ini kepada negeri-negeri Pantai Timur, khususnya negeri Trengganu, tetapi sehingga sekarang ini saya lihat usaha-usaha ini tidak boleh dibanggakan lagi. Sebab setakat ini belumlah kita dapati satu perindustrian yang besar yang boleh rakyat tumpang mencari kerja ataupun memajukan negeri-negeri di Pantai Timur. Jadi kalau adapun satu dua yang kecil-kecil sahaja.

Saya mengharapkan kepada Kementerian ini supaya tolonglah menggalakkan pelabur-pelabur yang hendak membuat perindustrian di dalam negara kita ini tolonglah galakkan ataupun elok-elokkan ke negeri-negeri di Pantai Timur khususnya di negeri Trengganu. Sebab saya tahu, tapak-tapaknya telahpun disediakan oleh Kerajaan Negeri, kemudahan-kemudahan telahpun disediakan oleh Kerajaan Negeri, hanya tinggal lagi pengusaha-pengusaha yang tidak mahu datang. Jadi inilah yang saya rasa amat dukacita sekali dan saya mengharap benar-benar kepada Kementerian yang berkenaan ini tolonglah menarik satu dua atau seberapa banyak yang boleh supaya rakyat di Pantai Timur dapat menikmati sama sebagaimana rakyat di Pantai Barat dapat menikmati kilang-kilang perindustrian yang banyak bertaburan di negeri-negeri di Pantai Barat.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh juga aktiviti 10—Penyertaan Bumiputra. Di dalam perkara ini walupun saya mengakui usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan kita dalam meninggikan taraf rakyat bumiputra ini ataupun untuk menyampaikan kepada matlamat 30%, tetapi sehingga sekarang ini saya rasa kalau perkembangan perjalanan seperti yang ada sekarang ini, maka saya yakin dan percaya bahawa matlamat Kerajaan hendak mencapai 30% di dalam tempoh 20 tahun ini sudah tentu tidak akan tercapai. Saya mengharap benar-benar kepada Kementerian ini supaya mencari jalan yang lain, berusaha dan mengkaji supaya matlamat ini dapat dicapai dalam tempoh yang ditentukan.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyebut satu perkara misalnya, dalam istilah yang digunakan sekarang ini oleh Kerajaan iaitu, masalah 51%-49% dianggap sama tarafnya dengan 100% yang dipunyai oleh bumiputra di dalam memberi kemudahan, layanan dan sebagainya. Dalam masalah ini, saya rasa tidaklah kena dan tidak berpatutan. Saya mengharapkan supaya dipertimbangkan semula masalah ini.

Jadi, kalau masalah 51%-49% ini dianggap sama dengan 100% maka sudah tentulah kepunyaan 100% yang bumiputra ini lambat hendak dicapai, sebab di dalam 49% itu yang bukan bumiputra sama beserta, maka sama juga dari segi istilahnya,

kalau kita hendak memajukan satu-satu usaha ataupun satu-satu projek istilah yang digunakan sekarang ini istilah 30% bumiputra.

Masalah 30% bumiputra ini juga, saya rasa amat rugi kepada bumiputra, sebab yang hak asalnya bumiputra 100% apabila hendak dibangunkan projek baru ataupun pembangunan rumah dan sebagainya berpegang kepada 30% bumiputra. Yang 100% bumiputra itu apabila dianggap 30% hak bumiputra maka 70% tidak lagi berpegang kepada bumiputra. Begitu juga 100% yang bukan bumiputra maka dianggap 30% maka untungnya 30% bumiputra. Jadi yang 30% tadi dengan 30% kemudian ini dapat 60% bumiputra, tetapi yang 70% tadi dengan 70% kemudian ini, 140% rugi kepada bumiputra, pada fahaman saya. Saya harap Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, perkara ini dapat dikaji dan disemak semula, sebab saya bercakap seperti yang demikian perkara ini benar-benar berlaku. Mungkin salah anggap oleh pegawai-pegawai yang tertentu atau pegawai-pegawai yang berkenaan. Perkara ini benar-benar berlaku di tempat saya, umpamanya, di dalam pembangunan projek perumahan. Sepatutnya tanah itu 100% untuk bumiputra tetapi apabila dipohon untuk dibangunkan projek ini dilonggarkan hanya kepada bumiputra 30% dan 70% dibebaskan kepada orang lain, maka berhaklah orang yang mempunyai wang yang banyak itu membolot 70%. Sepatutnya yang 100% kepada bumiputra. Ini sudah rugi kepada bumiputra 70% sebab itulah saya mengharapkan Kementerian ini dapat mengkaji dan dapat menghalusi semula atau menimbangkan semula masalah istilah-istilah ini.

Selain daripada itu, saya nampak sekarang ini apa yang berlaku masalah perlantikan pengarah-pengarah di syarikat-syarikat yang besar-besar. Saya bukan dengki dalam masalah ini tetapi kalau tersiar di dalam akhbar maka pengarah-pengarah di syarikat-syarikat yang besar-besar yang disertai oleh Kerajaan atau separuh Kerajaan, maka pengarah-pengarahnya dibolot oleh Datuk-datuk dan Tan Sri-Tan Sri, orang yang telah kaya-kaya. Kadang-kadang seseorang itu memegang pengarahnya sampai 5 ke atas, 10 ataupun 15 pun ada. Saya rasa masalah ini patut Kementerian ini menimbangkan iaitu mereka

tanpa Datuk dan Tan Sri kalau difikirkan mempunyai kelayakan tolonglah dipertimbangkan sama supaya janganlah seseorang itu membolot sampai beberapa jawatan pengarah. Selain daripada itu

Tuan Pengerusi: Cuma ada 2 minit sahaja lagi Yang Berhormat.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam masa dua minit ini saya suka hendak menyebut sedikit sahaja iaitu berkenaan dengan masalah Kepala P. 20 muka surat 143, Pecahan-kepala 2—Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Saya suka hendak menyebutkan sedikit sahaja iaitu perasaan dukacita apabila Menteri-menteri melawat ke negeri-negeri di Pantai Timur maka diadakan majlis ucapan, maka berucaplah bapa-bapa Menteri-menteri kita mengisytiharkan bahawa kawasan ini kita hendak jadikan kawasan pelancungan, kita hendak majukan. Lepas balik sahaja bapa-bapa Menteri kita maka ikut balik sama berita ini seperti yang diisytiharkan oleh Menteri dahulu, bukan Menteri sekarang. Kawasan di Pulau Redang dan di Pantai Merang apabila Menteri melawat di sana kawasan itu akan dibaiki dan hendak dimajukan dan di sini dapat menarik pelancung-pelancung, tetapi apabila balik Menteri kita, maka balikkah sama berita-berita ini.

Tuan Pengerusi: Yang balik itu apa?

Tuan Lumkan bin Abdul Kadir: Kembali ke asal. Tuan Pengerusi, saya mengharapkan benar-benar supaya kata-kata ini dikotakan. Kalau kita sudah terasa dalam hati kecil kita tidak mahu dikotakan saya minta dengan segala hormatnya supaya bapa-bapa Menteri-menteri kita tidak usah mengisytiharkan, sebab orang yang duduk di tempat ini kepalanya kena ketuk, kena cakap, kena maki; kamu membawa Menteri mengisytiharkan ini, tetapi bila hendak buat, sudah empat lima tahun tidak dapat hendak ditengok. Kalau ditanya siapa pun, katanya tempat ini baik. Jadi kalau benda ini sudah terasa di dalam hati hendak buat di tempat lain tidak usah isytiharkan di tempat ini, jadi menyusahkan kami yang duduk siang malam di dalam kawasan itu, tetapi kalau terasa hendak buat sila isytiharkan supaya kami dapat berpegang. Ini sahaja yang saya hendak minta.

4.30 ptg.

Tuan James Stephen Tibok (Penampang): Tuan Pengerusi, dalam mengalu-alukan peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya juga suka mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya suka menyentuh Pecahan-kepala (Kod) 1100, Kepala-kecil (1)—Pentadbiran Am dan Kepala-kecil (10)—Penyertaan Bumiputra, di muka surat 137.

Tuan Pengerusi, pada masa-masa yang lepas kita telah mengingatkan pegawai-pegawai Kerajaan apabila melayani pertanyaan-pertanyaan daripada orang-orang luar yang kurang berpelajaran biarlah bersopan-santun. Banyak yang saya dengar daripada rakan-rakan saya bahawa ada sebilangan kecil pegawai-pegawai Kerajaan yang kasar kelakuannya seolah-olah orang yang datang itu hendak meminta sedekah. Apa lagi orang-orang yang datang itu terutama sekali bumiputra yang berkehendakan penerangan yang lebih luas dan jelas. Juga didapati pegawai-pegawai di Kementerian ini selalu sangat menghadiri mesyuarat yang tidak putus-putus. Apabila hendak berjumpa atau hendak mendapatkan sesuatu keputusan muktamad mereka tidak ada di pejabat melainkan pergi menghadiri mesyuarat yang mana keputusan muktamad hanya ada pada tangan pegawai-pegawai itu sahaja.

Satu lagi mengenai Penyertaan Bumiputra. Saya dapati Penyertaan Bumiputra ini makin sehari semakin mundur jika dibandingkan dengan penyertaan orang-orang yang bukan bumiputra. Saya tidak cemburu dengan kemajuan yang diperolehi oleh orang-orang yang bukan bumiputra, tetapi apa yang akan terjadi kepada orang-orang Bumiputra? Galakan atau bantuan yang diberi sedikit tetapi heboh sahaja. Ada pula orang-orang berkata Kementerian biasanya pilih kasih dalam melaksanakan dasar penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Saya berharap perkara pilih kasih ini tidak akan berlaku lagi samada di pihak Kementerian ataupun di kalangan pegawai-pegawai yang melaksanakan dasar ini. Dasar menggalakkan penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian ini hendaklah dilaksanakan dengan sewajarnya, hendaklah dilihat tiap-tiap bulan supaya penyertaan bumiputra

berjalan dengan lancar dan juga saya berharap supaya orang-orang dari Sabah juga ditimbang sama untuk memasuki lapangan ini dan jangan hanya pada sebelah pihak sahaja. Kita tidak ingin melihat bahawa orang-orang Malaysia di Sabah hanya membuka perniagaan di Sabah sahaja sesama sendiri dan orang-orang di Semenanjung Malaysia menjalankan perniagaannya secara persendirian juga. Kalau ini berlaku maka akibatnya akan lebih buruk lagi dan Kerajaan hendaklah memikirkan dan menjemput orang-orang bumiputra dari Sabah juga untuk menyertai sama dalam bidang perdagangan di sebelah sini supaya dapat dijenerasikan bumiputra Sabah dan bumiputra Semenanjung Malaysia.

4.34 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah Kepala Bekalan 20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi tahun 1976 muka surat 137, Aktiviti (4) Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan Dalam Negeri dan Perdagangan Antarabangsa. Di sini saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Saya ingin tahu apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini semenjak diadakan berbagai-bagai perjumpaan dan seminar-seminar untuk memberi penerangan-penerangan kepada para industrial tempatan berkenaan dengan Undang-undang Koordinasi Perindustrian (Industrial Co-ordination Act). Oleh sebab perkara ini telah mendatangkan kegelisahan dan kebimbangan kepada mereka. Adakah seminar-seminar dan penerangan-penerangan yang telah diberikan oleh kakitangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kepada para industries tempatan itu telah mententeramkan mereka itu sebab tidak ada lagi apa-apa kegelisahan di kalangan mereka itu. Saya merasai bimbang, dan takut oleh kerana perasaan tidak puas hati di kalangan para industries tempatan berkenaan dengan kuatkuasa undang-undang tersebut, maka perindustrian tempatan kita akan lumpuh dan akibat yang buruk akan menimpa negara kita dari berbagai-bagai aspek, khususnya pekerjaan-pekerjaan bagi rakyat akan berkurangan dan juga mereka yang bercadang hendak menceburkan diri dalam lapangan

perindustrian akan merasa takut oleh kerana perasaan kegelisahan mereka terhadap undang-undang tersebut.

(Dengan izin) Are the local industrialists, Mr Chairman, happy with this Act? If they are not, would the Government consider taking steps to modify this Act so as to accommodate the anxieties and fears of the local industrialists? I believe that many local industrialists are not prepared to commit further investment or expansion of the industries because of this Act. In such an event, would it not adversely affect the Government's Third Malaysia Plan? If it does, it will retard the economic growth of the country to the detriment of the welfare and well being of Malaysians. This will be contrary to the Minister of Finance's request and call to the private sector to play an active role in the expansion of the industrial development and modernisation.

Saya juga ingin tahu berkenaan dengan pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang mengadakan seminar pada 27hb Oktober, 1975 bagaimanakah sambutan pelabur-pelabur modal luar negeri untuk melabur modal-modal mereka itu di dalam negeri kita ini. Adakah pelabur-pelabur modal itu bertambah bilangannya ataupun tidak. Jika tidak adakah ini kerana keadaan kemelesetan ekonomi sedunia ataupun ada apa-apa sebab yang lain yang menyebabkan kekurangan tambahan pelaburan modal dari luar negeri itu. Atau adakah satu-satu faktor yang menghindarkan kekurangan pelaburan modal dari luar negeri itu ialah dasar yang diamalkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian itu menimbulkan keraguan di kalangan para pelabur modal di luar negeri. Saya berpendapat bahawa perkara ini hendaklah diteliti dengan sedalam-dalamnya supaya kita dapat mengetahui apakah faktor-faktor yang sebenarnya yang tidak menggalakkan pemodal-pemodal luar negeri itu melaburkan modal mereka di negara kita ini. Oleh sebab pelaburan modal dari luar negeri amatlah penting bagi kesetabilan ekonomi kita di negara ini, jika tidak sudah tentu kita akan menghadapi berbagai-bagai masalah.

Are the seminars, Mr Chairman, producing results? Is there an increase in the flow of investment into our country? If not, what are the reasons that deter the inflow of investment into our country? Perhaps, the Trade Commissioners of our country overseas are not really doing their job, such as lack of information being given to the potential investors, of the benefit that they will get if they invest in our country. We hope that our Trade Commissioners and our officials in the Ministry of Commerce and Industry can co-ordinate their ideas together and project to the people abroad of the advantages in investing their money in our country.

Lagi satu perkara yang saya ingin menyebutkan di sini ialah berkenaan keadaan perindustrian kain di negara kita pada masa ini. Pada pandangan saya perindustrian yang dijalankan dengan banyaknya pada hari ini di Malaysia sedang menghadapi cabaran yang hebat dan jika kita tidak berikhtiar untuk mengatasi masaalah-masaalah yang dihadapi olehnya, mungkin mengakibatkan keadaan yang amat buruk sekali kepada kilang kain (textile) kerana terpaksa mengurangkan pengeluaran atau memberhentikan sama sekali pengeluarannya. Akibatnya banyak pekerja-pekerja akan menganggur dan juga pekerjaan-pekerjaan bagi rakyat kita di masa yang akan datang tiada dapat diadakan. Maka bagi negara yang sedang bergiat maju seperti Malaysia ini keadaan ini amat membimbangkan dari segi ekonomi. Cabaran yang saya maksudkan ialah eksport kain-kain keluar negeri amatlah sedikit sekali oleh sebab quota yang terhad. Perkara ini hendaklah diselenggarakan dengan bersungguh-sungguh oleh pegawai-pegawai yang berkemahiran dengan luar negeri supaya lebih banyak lagi kain-kain Malaysia dapat dieksport untuk menjamin kedudukan kilang-kilang kain di Malaysia tambahan pula eksport kain-kain ke luar negeri menghasilkan matawang luar (foreign exchange) yang banyak sekali. Dari itu hendaklah pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mencari jalan serta berikhtiar bersungguh-sungguh mendapatkan pasaran yang banyak dan berlipatganda bagi pengeksportan kain-kain buatan Malaysia ke luar negeri. Jika tidak akan timbullah perasaan bahawa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tidak menjalankan pentadbiran dengan cekap.

4.42 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, terutama sekali saya suka menyentuh di bawah Kepala P. 20, Pecahan-kepala 3, muka surat 143. Adapun salah satu daripada tugas-tugas penting Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini ialah untuk memberikan tumpuan yang utama kepada penyertaan bumiputra di dalam sektor perdagangan dan perindustrian sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Kementerian ini adalah Kementerian yang amat penting bagi memastikan bahawa dasar Kerajaan supaya kaum bumiputra memiliki 30% daripada modal di dalam negeri ini pada tahun 1990 itu terlaksana. Dasar ini adalah dasar yang paling asas demi menjaga kestabilan negara. Jadi tidak boleh tidak pada hemat saya tujuan Kerajaan ini mestilah dicapai di dalam masa yang dijangkakan.

Tuan Pengerusi, mengikut kajian ekonomi jika sekiranya kaum bumiputra hendak memiliki 30% daripada modal di negara ini pada tahun 1990 maka kaum bumiputra hendaklah menambahkan modalnya daripada \$100 juta di dalam tahun 1970 kepada \$14,000 juta di dalam 1990 iaitu bertambah kira-kira sebanyak \$650 juta setahun. Soalnya Tuan Pengerusi, dapatkah kaum bumiputra menambahkan modal sebanyak \$650 juta setahun itu. Pada hemat saya ini adalah satu perkara yang mustahil, sedangkan di dalam tahun-tahun kemewahan iaitu di dalam tahun 1973 dan dalam tahun 1974 penambahan modal bumiputra hanyalah tidak lebih daripada \$400 juta sahaja dan ini pun adalah modal yang dibenarkan, modal yang betul-betul telah dibayar tentulah lebih jauh kurangnya ataupun lebih rendah daripada itu.

Tuan Pengerusi, Pengerusi PETRONAS pernah menyatakan di dalam bulan Julai tahun ini iaitu apabila 3 buah bank menawarkan sahamnya kepada kaum bumiputra sebanyak \$18 juta, hanya \$150 ribu sahaja yang dibeli oleh bumiputra. Demikian juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan pada 25hb Julai tahun ini bahawa di antara tahun 1971 sehingga 1974 saham bernilai \$385.2 juta telah ditawarkan kepada bumiputra menerusi Kementerianya tetapi hanya sebanyak \$120.4 juta sahaja telah dimiliki atau dibeli oleh bumiputra.

Begitu juga sebagaimana kita semua mengetahui iaitu pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh kaum bumiputra dari bank-bank dan institusi pinjaman yang lain hanyalah pinjaman yang kecil sahaja yang telah dipohonkan oleh bumiputra untuk menjalankan perniagaan-perniagaan kecil ataupun family business. Jadi daripada kenyataan-kenyataan ini maka jelaslah bahawa di dalam keadaan sekarang ini orang perseorangan bumiputra tidak berkemampuan untuk membantu mencapai matlamat Kerajaan ini. Syarikat-syarikat bumiputra juga belum berkemampuan untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada penambahan modal bumiputra kerana setakat ini belum ada syarikat bumiputra yang betul-betul kukuh (established) dan jika ada sedikit pun maka syarikat-syarikat bumiputra itu masih di dalam keraguan ataupun ketakutan untuk melaburkan modal. Jadi soalnya apakah dan di manakah harapan bumiputra untuk menambahkan modalnya sehingga mencapai 30% di dalam tahun 1990 itu? Harapan kita untuk menambahkan modal bumiputra adalah dengan mengharapakan supaya badan-badan berkanun lebih bergiat lagi dalam lapangan perdagangan dan perusahaan kerana saham-saham badan berkanun ini kelaklah kita harapkan dapat dijual kepada bumiputra perseorangan. Badan-badan Berkanun ini berani melaburkan modal ialah kerana terutamanya sumber kewangannya, sekurang-kurangnya untuk permulaan adalah datang dari pihak Kerajaan dan kedua badan-badan berkanun ini ditadbirkan oleh mereka yang berkebolehan dan berpengetahuan di dalam hal pelaburan. Badan-badan berkanun ini adalah menjadi saviour atau penebus nasib kaum bumiputra di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan di masa yang akan datang.

Kementerian ini sepatutnya memberikan perhatian utama dalam hal ini. Kementerian seharusnya memberikan simpati dan segala galakan kepada badan-badan berkanun yang mengkecimpungkan diri mereka ke dalam lapangan perindustrian seperti UDA, dan juga badan-badan yang lain. Galakan pelaburan (investment incentive) hendaklah diberikan kepada mereka walaupun Kerajaan terpaksa banyak bertolak ansur dalam hal memberikan investment incentive ini. Apalah kerugian kepada Kerajaan di atas cukai-cukai, jika sumbangan badan-badan ini adalah sumbangan jangka

panjang bagi memastikan kestabilan negara pada masa yang akan datang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya suka sentuhi di sini ialah di bawah Kepala B. 20 Pecahan-kepala 1300, Aktiviti (3) Bahagian Penguatkuasa. Tahniah patut diberikan kepada Kementerian ini kerana telah melahirkan Bahagian Penguatkuasa dan tahniah juga patut diberi kepada Bahagian ini kerana telah dapat menjalankan beberapa tindakan di dalam usaha melawan anti-sorok, tetapi malangnya Bahagian ini nampaknya hanya bertindak dari masa ke masa. Berita mengenai aktiviti Badan ini hanya keluar sekali-sekala apabila keadaan sorok-menyorok sesuatu jenis barang itu telah betul-betul berlaku. Di waktu-waktu lain aktiviti Bahagian ini tidak pernah didengar atau diketahui oleh masyarakat am. Pada hemat saya patut benarlah Kementerian memastikan bahawa Bahagian ini hendaklah menjadi suatu Bahagian Pengawas. Mereka harus bertindak mengawas supaya jangan berlakunya sorok dan tidak bertindak hanya apabila telah berlakunya sorok, dalam bahasa Inggerisnya "Prevention is better than cure". Pada hemat saya sudah sewajarnya Kementerian ini membanyakkkan lagi pegawai-pegawainya supaya Bahagian ini dapat menjalankan tugasnya sebagai Bahagian Pengawas dengan cekap dan berkesan.

Perkara yang ketiga ialah di bawah Kepala B. 20, Pecahan-kepala 1300, Aktiviti (10) Bahagian Penyertaan Bumiputra. Penubuhan Bahagian Penyertaan Bumiputra ini memanglah baik pada dasarnya dan setelah bumiputra sendiri mendengar bahawa ada bahagian yang dinamakan Bahagian Penyertaan Bumiputra ini, maka mereka berasa megah dengan sebab ada suatu badan khas atau suatu badan istimewa bagi menjaga kepentingan mereka, bahkan ada di antara mereka yang menganggapkan bahawa Bahagian ini mempunyai kuasa ajaib untuk memastikan penyertaan bumiputra di dalam lapangan perdagangan dan perindustrian, tetapi setakat ini nampaknya harapan bumiputra itu tidaklah seperti yang dianggapkan. Bahagian ini setakat ini tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memastikan penyertaan bumiputra, mereka hanya dapat memberikan nasihat-nasihat

kepada swasta dan pihak swasta pula tidak tertakluk kepada nasihat Bahagian ini.

Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan supaya Bahagian ini diberikan kuasa sepenuhnya untuk menentukan penyertaan bumiputra. Bahagian ini sepatutnyalah diberi kuasa untuk membuat sebarang penilaian mengenai permohonan bumiputra menyertai di dalam mana-mana jua perdagangan dan perusahaan. Tanggungjawab Badan ini hendaklah diperluaskan dan Badan ini juga seharusnya ditanggungjawabkan memberi kata pemutus di dalam segala masaalah mengenai penyertaan bumiputra di dalam perdagangan dan perindustrian. Kuasa-kuasa yang diberikan kepada Badan ini hendaklah berpatutan pada pendapat saya, dengan nama Bahagian itu sendiri dan dengan yang demikian barulah Badan ini dapat bertugas dengan lebih berkesan dan lebih bermakna lagi.

4.54 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya hendak memulakan ucapan saya dengan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri serta juga kakitangan yang selama setahun yang lepas bekerja dengan berkesan mempertahankan kenaikan harga, mengawalkan harga barang-barang dan sebagainya. Saya sendiri termasuk daripada seorang Ahli Majlis Penasihat Pelindung-pelindung Pengguna dan tahulah sedikit-sebanyak tentang usaha-usaha yang telah dijalankan. Sungguhpun telah timbul banyak teguran yang setengah-setengahnya tepat juga, bukan salah, tetapi barangkali sebabnya Majlis Pelindung Pengguna ini tidak dapat menjalankan kerjanya dengan secukup ialah kerana terhad kakitangan, perbelanjaan dan sebagainya.

Di sini saya suka menarik perhatian Kerajaan kepada peruntukan yang telah diberi hanya sebanyak \$184,000 untuk Yunit Hal Ehwal Pengguna. Sungguhpun ini nampaknya ada tambahan sebanyak \$70,000 kalau dibandingkan peruntukan tahun lepas, akan tetapi peruntukan sekadar ini sangatlah kurang, tidak cukup untuk menjalankan kerjanya, kakitangannya pun tidak cukup. Saya rasa bukan sahaja setakat Yunit Hal Ehwal Pengguna patut diadakan dalam Kementerian ini, sekurang-kurangnya mesti ada satu bahagian lengkap dengan

pegawai-pegawai kanan dan segala peruntukan kewangan untuk membolehkan ia menjalankan kerja dengan sempurna, selok-eloknya diadakan satu Kementerian atau department. Banyak negeri-negeri di dunia ini sudah mempunyai Kementerian Hal Ehwal Pengguna. Istilah "pengguna" ini melibatkan kita semua tanpa mengira parti, tanpa mengira keturunan, tidak kira kaya ataupun miskin. Oleh itu, dengan sukacitanya saya sendiri boleh nyatakan yang saya lebih kurang sama sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tentang apa yang dikatakan tadi berkaitan dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak pemerintah berkenaan dengan pengguna ini. Kita tidak patut timbulkan perselisihan secara berparti (partisan), kerana dengan tidak mengira parti kita semua sama-sama berkewajipan untuk menjaga kepentingan pengguna dan setakat inipun Kerajaan sudah mengadakan tidak kurang daripada 10-12 undang-undang khusus untuk melindungi pengguna. Tetapi malangnya, banyak di antara kita, barangkali termasuk Ahli-ahli Parlimen yang tidak dapat isi kandungan undang-undang ini ataupun barangkali tidak ingat segala kandungannya.

Saya menganjurkan supaya Yunit Hal Ehwal Pengguna ini diberi peruntukan yang cukup dan juga pertolongan kepada kakitangannya supaya dapat ia mengeluarkan risalah-risalah yang boleh memberi keterangan dan penerangan dengan bahasa yang mudah supaya semua orang faham segala undang-undang yang telah dirakamkan dan yang telah diadakan oleh Kerajaan kita untuk melindungi pengguna-pengguna. Saya tidak suruh pula risalah ini diberi dengan percuma, boleh dicetak, boleh dijual dengan harga yang murah walaupun 20 sen, 30 sen senaskah supaya tiap-tiap orang dapat tahu misalnya berkenaan dengan cara hire purchase ataupun sebagainya boleh menatap, boleh perhati dan mengetahui akan hak-haknya dan apakah peraturan undang-undang dan sebagainya. Ini satu perkara yang saya sudah usulkan dalam Majlis Penasihat Pelindung Pengguna hampir 2 tahun, tetapi nampaknya tidak dapat dihasilkan oleh sesuatu sebab, khasnya kekurangan kakitangan dan wang yang di-utukkan.

Lagi satu perkara tentang sifat dan kuasa Majlis Pelindung Pengguna ini. Sebagaimana telah dibentuk, ia berasas kepada pindaan Undang-undang Bekalan (Control of Supplies Ordinance) dan terms of reference ataupun tugas-tugas dan kuasa yang diberi kepadanya itu terhad. Saya fikir untuk menghasilkan cita-cita sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang saya juga bersetuju, barangkali elok kita semak semula terms of reference ataupun kuasa-kuasa yang diberi kepada Majlis ini supaya dapat diperluaskan supaya dapat dilaksanakan cita-cita ini dan dapat membantu Kementerian dan Menteri dalam melaksanakan cita-cita yang dikemukakan tadi.

Dalam segala usaha melindungi pengguna, elok juga kita sentiasa ingat, kita buat peraturan yang sesuai, yang realistik. Saya cuma suka mengemukakan bagaimana keputusan dibuat dengan tidak secara realistik dan menghasilkan kesusahan yang ditanggung oleh orang ramai, misalnya, kekurangan minyak tanah dan kekurangan minyak diesel. Oleh kerana harga yang ditetapkan untuk jualan menerusi pam terlalu rendah lebih rendah daripada yang syarikat-syarikat sanggup menjualnya, akan tetapi oleh sesuatu sebab syarikat-syarikat itu dipaksa juga menjual kepada kereta-kereta ini menerusi pam dengan harga \$1. Akan tetapi, minyak yang dibekal untuk perusahaan industri dijual dengan harga \$1.15, perbezaan 15 sen. Jadi, bila orang dapat beli minyak dengan harga \$1 di pam, apabila dapat dibeli untuk bekalan industrinya \$1.15 banyak tertumpu ke tempat pam dan habis kering pam itu orang yang bawa kereta pergi minta minyak tidak dapat. Ini suatu contoh di mana suatu peraturan dibuat mahupun bertujuan menolong pengguna, akan tetapi akhirnya misfire atau terbalik, lebih susah pula pengguna itu kerana keputusan minyak kerana peraturan tidak realistic.

Begitu juga berasaskan kepada philosophy, realism ini, saya suka menarik perhatian Kementerian kepada cara melayan syarikat-syarikat luar negeri yang masuk melaburkan modal di sini. Tidak payah saya ulang sekali lagi perasaan yang telah dibayangkan oleh beberapa orang mahupun dalam Majlis ini ataupun di luar tentang perasaan was-was, keraguan dan sebagainya. Boleh jadi ini bukan semata-mata kerana apa yang terjadi

di negeri ini, tetapi seluruh dunia menghadapi kemerosotan ekonomi dan boleh dikatakan kalau orang tidak menambah modal ataupun mengurangkan usahanya, ini puncanya ialah antara lain sebab keadaan ekonomi di serata dunia. Akan tetapi, selain mengatasi perasaan ini, sedikit-sebanyak timbulnya perasaan kebimbangan pihak yang melabur modal ialah kerana cara-cara kita melaksanakan dasar kita dan saya bersetuju dengan segala fikiran dan pendapat yang telah dikemukakan iaitu eloklah kita mengambil langkah langkah yang sesuai untuk mengatasi perasaan ini. Beberapa soal timbul: pertama sekali, tentang soal membenarkan syarikat-syarikat ini mengadakan pegawai-pegawai yang kanan, yang terpenting sebagai key post ataupun jawatan penting yang boleh diisi oleh seorang dua yang diambil oleh syarikat itu sendiri daripada luar negeri. Saya harap janganlah buat susah sangat, syarikat mana, pemodal mana yang hendak tanam modal yang hendak keluarkan duit banyak, kalau tidak dibenarkan memilih orang yang dipercayainya sendiri untuk menjaga, mengawas hartabenda dan perniagaannya. Sungguhpun ini bukan suatu kewajipan yang ditanggung oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, barangkali terpaksa berikat dan berkait dengan jabatan dan kementerian lain. Saya tahu Pak Menteri kita selalu mengambil berat untuk menolong dan mempertahankan perkara semacam ini, tetapi saya suka hendak berkata di sini supaya dapat menguatkan rayuannya supaya pihak yang lain tahu bahawa bukan sahaja Pak Menteri dan Menteriannya selalu membuat rayuan untuk menyenangkan perkara ini, akan tetapi kita semua di luar yang faham dan tahu keadaan ini beri sokongan yang sepenuhnya kepada Kementerian dan Menteri dalam rayuan yang dibuat kepada pihak yang lain supaya menyenangkan perkara imigeresen dan sebagainya.

Misalnya, saya sendiri di sini mengatakan, sebab ada personal interest, sebab saya sendiri terlibat menjadi Pengarah satu syarikat di Pulau Pinang yang pada masa ini memberi kerja kepada tidak kurang daripada 1,500 orang pekerja sebahagian yang terbesarnya daripada bumiputra pula. Tetapi syarikat ini menghadapi kesulitan kerana terpaksa dia membawa masuk dari Hong Kong empat lima orang yang pandai, tukang, specialist, yang tidak dapat diganti pada masa ini, kerana adanya empat lima orang

specialist itu dibenarkan masuk mengelola, mengajar, memimpin kita dapat dan memberi kerja kepada 1,500 pekerja bangsa kita dalam negeri ini. Tetapi sekiranya menjadi satu perkara yang susah orang ini tidak tahu berapa lama dia dapat bekerja, cuma setahun sahaja, enam bulan, tiga bulan payah hendak dapat orang daripada luar negeri, meninggalkan rumahtangganya, kalau dia tahu dapat duduk dua tahun, tiga tahun dengan tepat boleh dia bekerja dengan sepenuh perasaan hati, boleh dia mengajar anak-anak kita. Saya kemukakan ini sebab ini adalah fact, hakikat, saya tahu tidak siapa sengaja membuat ini, saya tahu pegawai-pegawai yang buat ini penuh perasaan nasionalisma dan patriotic mahu mempertahankan kepentingan orang kita akan tetapi saya minta supaya kita ini reasonable, realistic, sambil mempertahankan hak kita, kita juga mesti insaf iaitu kita mesti memperlonggarkan kalau kita belum lengkap, belum cukup kemahiran dan kita memerlukan pertolongan dan bantuan dari luar.

Lagi satu perkara yang saya suka bangkitkan berkenaan dengan syarikat yang saya sebutkan tadi, syarikat ini 100 peratus kepunyaan luar. Sekarang kita buat ketetapan membuka sahamnya sebanyak 51 peratus kepada rakyat negeri ini. Sungguhpun begitu belum beres lagi penyertaannya untuk dijual saham ini, 30 peratus kepada bumiputra dan 21 peratus kepada orang lain, tetapi sebelum itu ditanya bila, bagaimana rancangan awak mahu penuhi Dasar Ekonomi Baru. Saya fikir kita mesti membenarkan syarikat ini mengambil corak langkah setapak demi setapak, jangan gempar dan jangan takutkan mereka. Yang kedua, kita mesti bercermat berkenaan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini, janganlah kita timbulkan kegiatan kita ini sampai kita takut-takutkan orang, sampai kita membangkitkan kebimbangan. Kita tahu bahawa Dasar Ekonomi Baru sudah diterima oleh semua golongan dalam negeri ini, semua kaum dalam negeri ini, orang luar yang masuk berniaga pun menerima ini. Jadi tidak ada soal lagi, tidak menjadi soal tentang penerimaan Dasar Ekonomi Baru. Cuma yang timbul ialah cara-cara implementasinya, bagaimana kita hendak mengimplementasikan perkara ini. Barangkali timbul fikiran yang berlainan setengah orang mahu serta-merta setengah orang berfikir kita masih ada 15 tahun biar kita buat setapak demi setapak. Itu penting.

Saya fikir kita mesti insaf bahawa bumiputra kita sendiri kekurangan segala-galanya, bukan sahaja kemahiran akan tetapi wang ringgit, modal juga kekurangan. Banyak modal-modal yang dipelawa kepada kita belum lagi kita mampu menerimanya. Jadi kita mesti cari jalan supaya mobilise, samada mengumpul cara memotong gaji tiap-tiap pekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan, dalam Tentera dan Polis, Guru dan sebagainya, setiap lapisan samada 1%, 5%, 10% dengan sukarela supaya kita kumpulkan cukup duit untuk mengambil alih saham-saham ini. Saya tahu berapa ratus million saham yang dipelawa masih disimpan dan dijaga oleh Kementerian untuk bumiputra yang belum dapat kita terima, selagi kita serahkan kepada seorang perseorangan menjalankan ini susah tercapai matlamat kita. Tetapi jikalau Kerajaan sendiri mengambil langkah dengan persetujuan kakitangan Kerajaan sendiri memotong tiap-tiap bulan, misalnya, 5% untuk mengumpulkan wang ini supaya dapat membeli saham, mungkin berjaya. Selagi kita tidak dapat mobilise wang bumiputra mengadakan saham bagaimanakah dapat kita mengambil alih 30% yang kita patut perolehi, dan orang pun bersetuju kita menerima sebelum tahun 1990.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada seminit lagi.

Tuan Mohamed Soviee bin Sheikh Ibrahim: Yang kedua yang sangat penting juga ialah latihan, latihan untuk orang-orang kita menlayakkan diri menjalankan kerja, bukan sebagai jawatan-jawatan rendah akan tetapi di lapangan pengurusan, teknik dan sebagainya. Di sini saya juga suka mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah mengadakan Pusat Pengeluaran Negara kita ini, cuma saya harap kegiatan ini diperlipatgandakan. Saya juga suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kenapa Pusat pengeluaran kita ini tidak digabungkan dengan Asian Productivity Organisation. Setahu saya semua negeri dalam Asia ini sudah bergabung dalam A.P.O. barangkali negeri kita sahaja yang ketinggalan. Barangkali ada sesuatu sebab, tetapi kalau sebab ini dapat diatasi, saya harap Pusat Pengeluaran Negara kita juga dapat berkait dengan lain-lain badan di seluruh negara Asia ini sehingga dapat kita memperoleh segala pertolongan dan segala kemajuan yang sesuai dengan keperluan kita.

5.10 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Perbekalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berjumlah \$37,104,620 untuk tahun 1976. Saya berbangga atas tugas Kerajaan yang telah menghasilkan pembangunan perindustrian sesudah kita mencapai kemerdekaan. Saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sungguh cekap dalam menayakan revolusi perindustrian negara ini.

Mengikut Kepala B. 20, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (6), dengan beribu-ribu perindustrian yang wujud di masa ini kita telah dapat mengadakan peluang-peluang pekerjaan di samping mengeluarkan hasil-hasil keperluan sendiri. Kita dapat memastikan dengan penuh minat bahawa pada masa ini Malaysia dapat mengeksploitasi pengeluaran perindustriannya ke negeri-negeri lain.

Tuan Pengerusi, kita telah melihat negeri-negeri yang hidupnya hanya bergantung dengan pengeluaran industrinya. Negara kita yang kaya dengan sumber-sumber alam semula jadi bukan hanya untuk mengeksploitasi bahan-bahan utama, tetapi di samping itu kita dapat pula mengeksploitasi barang-barang perindustriannya. Dalam negara kita kebanyakan perindustrian ditempatkan di dalam dan di sekitar bandar-bandar besar dan ibu-ibu negeri. Hanya jumlah yang paling kecil sekali didirikan di kawasan-kawasan luar bandar. Saya berbesar hati menyatakan bahawa Kerajaan dengan sedaya-upayanya cuba mengatasi perkara ini, tetapi dalam pada itu kita tiada sedar bahawa kebanyakan penduduk-penduduk kita masih ditempatkan di luar bandar. Dengan mendirikan perindustrian di dalam bandar telah membuatkan penduduk-penduduk luar bandar menjelajah ke sektor-sektor bandar. Akhirnya akan menimbulkan pengangguran yang dasyat, membuatkan penduduk-penduduk bandar kekurangan rumah atau langsung tiada berumah.

Pada masa ini banyak pekerja-pekerja mahir dari luar bandar telah membanjiri kawasan-kawasan bandar. Banyak di antara kampung-kampung dan pekan-pekan kecil telah kehilangan penghuninya. Kalau kita kehilangan penduduk-penduduk luar bandar, Tuan Pengerusi, akhirnya kita akan kehilangan pengeluar-pengeluar luar bandar atau pengeluaran hasil luar bandar akan jadi

merosot. Kesudahannya kita mungkin mencari negeri lain, walaupun untuk keperluan makanan harian kita. Hanya satu jalan sahaja untuk kita menghentikannya. Kita mestilah mendirikan kilang-kilang perindustrian di luar-luar bandar juga. Dengan berbuat demikian kita dapat melipat ganda pengeluaran perindustrian kita, di samping pengeluaran pertanian.

Tuan Pengerusi, saya bukan mengatakan Kerajaan tiada menimbangkan sekim perindustrian luar bandar tetapi saya cuma menyatakan apa yang kita lakukan tidak mencukupi. Saya sedar bahawa Kerajaan tidak akan mampu mendapatkan berjuta-juta ringgit untuk memenuhi keperluan projek itu. Tetapi kita mesti boleh berjaya mendapatkan kewangan itu daripada orang-orang luar bandar dengan cara menggalakkan mereka membeli saham-saham dengan cara ansuran dan akhirnya mereka akan bertukar menjadi tuan punya sekim perindustrian.

Tuan Pengerusi, banyak di antara penduduk-penduduk luar bandar mampu melaburkan wang mereka dalam bentuk yang kecil, seperti membeli saham-saham secara ansuran. Kita telah mendengar dari Dewan ini sedikit hari yang lepas, apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberikan jawapannya kepada soalan-soalan saya tentang kelambatan pelaksanaan projek-projek bumiputra yang berkenaan. Mengikut jawapan beliau ialah:

- (i) Kekurangan kajian-kajian yang mendalam yang boleh memastikan viability projek-projek tersebut;
- (ii) Kerumitan-kerumitan mendapatkan kewangan yang mencukupi;
- (iii) Kerumitan-kerumitan mendapatkan pasaran;
- (iv) Kerumitan-kerumitan mendapatkan pengetahuan teknikal; dan
- (v) Kekurangan pengalaman dalam pengu-rusan projek.

Tuan Pengerusi, saya telah memetik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyelarasan dan Perbadanan Awam, yang mana beliau menyatakan bahawa saham-saham yang berharga \$250 juta yang diuntukkan kepada bumiputra masih belum diambil oleh bumiputra. Tuan Pengerusi, kita memang telah menguntukkan saham yang berharga \$250 juta itu

kepada bumiputra, tetapi apakah yang telah kita buat setakat ini untuk menggalakkan mereka atau membuatkan mereka mampu dari segi kewangan supaya mereka dapat memilikinya.

Kedudukan ekonomi di luar-luar bandar sentiasa terkebelakang. Tuan Pengerusi, sumber-sumber pendapatan bagi penduduk-penduduk itu dan kedudukan kewangannya tiada teguh. Oleh itu, bagaimanakah kita mengharap mereka mengambil saham-saham yang telah ditentukan itu. Dalam keadaan yang sama pekerja-pekerja estet yang ada di dalam negara kita telah dapat membuktikan bahawa dengan cara menoreh getah yang sempurna, mereka telah dapat menyimpan sedikit wang tiap-tiap bulan. Kini harta yang bernilai \$60 juta telah dapat dibeli. Sekiranya Kerajaan menimbang cara yang sama dengan mengumpulkan wang simpanan penduduk-penduduk luar bandar, saya yakin kejayaan akan tetap ada di ambang pintu kemakmuran. Jadi, apabila cadangan telah dibuat untuk melaksanakan sebarang projek perindustrian di sektor luar bandar, kewangan telah sedia menunggu untuk menjayakan sekiranya seumpama itu.

Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya Kerajaan menubuhkan satu badan atau agensi yang menjadi satu tabung untuk menaikkan taraf bumiputra-bumiputra dalam bidang atau lapangan industri yang mana kita boleh kutip wang sekiranya anuran, melaksanakan projek-projek bumiputra dan menyelesaikan masalah-masalah bumiputra dari luar bandar atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Kepala P. 20, Pecahan-kepala 2, muka surat 143 dalam buku tersebut—Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Saya suka menarik perhatian terhadap daya penarikan di Batu Caves, Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, bilangan pelancung-pelancung ke Batu Caves telah bertambah berlipat kali ganda. Keperluan kemudahan-kemudahan di situ pun telah berlipat kali ganda dalam masa 10 tahun yang lepas. Memang, Perbadanan Kemajuan Pelancungan telah membelanjakan banyak wang untuk memajukan Batu Caves dan di tempat-tempat pelancungan. Tetapi dalam pada itu, Tuan Pengerusi, tuan-tuan punya rumah berhala Sri Maha Mariamman di Batu Caves telah membelanjakan sebanyak \$900,000 di Batu Caves selama 10 tahun ini.

Pada masa sekarang ini pun, kuil ini sedang membelanjakan sebanyak \$350,000 untuk menjadikan Batu Caves satu pusat menarik hati untuk pelancung-pelancung.

Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan supaya pihak Kerajaan menimbang permintaan saya untuk memberikan pertolongan grant, sekurang-kurangnya atas dasar seringgiti untuk seringgiti agar pihak kuil ini tidak menanggung beban memajukan pusat pelancungan ini dengan sendiri. Kami juga berharap Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyelamatkan Batu Caves dari menggali batu iaitu quarrying di Batu Caves hari ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, dalam perkara ini, sukalah saya mencadangkan Kerajaan mestilah membahagi-bahagikan hasil daripada cukai-cukai kita dapat daripada pelancung-pelancung dan memberi peruntukan itu kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan untuk menjalankan rancangan-rancangan perbadanan tersebut.

5.22 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepatah dua di dalam Anggaran Perbelanjaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Kepala P. 20, Pecahan-kepala kecil (2) Perbadanan Kemajuan Pelancungan, muka surat 143.

Saya ingin memberi pandangan iaitu Jabatan Perbadanan Kemajuan Pelancungan di negeri Sarawak patutlah diperkembangkan ke daerah-daerah.

Dengan adanya Pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancungan di daerah-daerah maka adalah kemungkinan dapat mencegah usaha-usaha di seluruh daerah. Bagi Pegawai-pegawai Daerah sebagai Tourist Guide di negeri Sarawak ada kekurangan, maka inilah menyebabkan lambat kemajuan pembangunan pelancung pertama sekali dari segi untuk mengatur, mengawal seperti memimpin perkembangan, keperluan beberapa perkara yang penting di negeri Sarawak.

Memang diketahui ramai bahawa pelancungan adalah satu aktiviti yang mendatangkan keuntungan kepada negara dan dengan peruntukan yang berjumlah lebih \$10 juta untuk tahun 1976 ini adalah baik, tetapi

saya berharap bahawa sebahagian besar daripada jumlah itu akan dapat dibahagikan untuk menggalakkan perkembangan perindustrian tersebut di Sarawak. Untuk merapatkan perhubungan di antara rakyat Semenanjung dengan rakyat Sarawak bilangan pelancang-pelancang dihantar ke negeri Sarawak patutlah dibanyakkan.

Tuan Pengerusi, masalah di Sarawak tidak ada hotel yang baik dan besar, dan ada di antaranya hotel yang kecil-kecil tidak elok untuk menarik pelancang-pelancang. Perbadanan Kemajuan Pelancungan patutlah menggesa tuan punya hotel kecil ini membersihkan hotelnya supaya dapat menarik pelancang-pelancang.

Hotel-hotel yang kecil tidak payah dikenakan bayaran cukai perkhidmatan atau service tax supaya tuan punya hotel kecil ini dapat memperbaiki bilik-bilik hotel. Tax rebate patut diberi kepada kampeni bas yang membawa pelancang-pelancang dari daerah-daerah ke bandar-bandar masing-masing di negeri Sarawak. Memperbaiki taraf jalanraya yang kurang memuaskan di negeri itu. Saya percaya pelancungan inter-district atau inter-state akan dapat dirapatkan lagi perhubungan di antara penduduk-penduduk dan antara kaum.

Pelancang-pelancang operator jangan mengambil kesempatan untuk mencari untung sahaja tetapi hendaklah terus memelihara adat resam penduduk-penduduk, seni, kebudayaan sebagai attraction kepada pelancang-pelancang.

Tuan Pengerusi, bagi kami di negeri Sarawak, pusat latihan untuk Sarawak patutlah diperluaskan seperti mengadakan kursus terlatih bagi berbagai jenis permainan dan juga kursus pentadbiran pelancungan. Pelancang-pelancang dari luar negeri makin sehari semakin bertambah datang ke negeri Sarawak. Jadi oleh yang demikian, saya memohon supaya Kerajaan Pusat dapat menimbangkan dan membantu dengan modal kepada agensi-agensinya di mana tempat yang diperlu seperti di peringkat daerah. Agensi-agensinya ini jika Kerajaan dapat membantu dengan modal tentu sekali dapat menambahkan jumlah bilangan pemandu-pemandu pelancang-pelancang dan pemandu-pemandu ini patutlah diambil dari orang-orang yang pandai bertutur dalam bahasa Iban. Jadi mereka ini sepatutlah berhubung dengan mudah dengan

penduduk-penduduk di rumah panjang. Saya tahu apabila pelancang melawat ke rumah panjang di negeri Sarawak pelancang-pelancang ini yang datang dari bandar memang ingin tahu apakah sebab orang-orang yang di rumah-rumah panjang tidak suka duduk di bandar. Ini barangkali dianggapi oleh mereka Kerajaan tidak mengambil berat kepada orang-orang yang di kampung ataupun Kerajaan tidak membuat kilang-kilang untuk memberi hasil kepada penduduk-penduduk dari luar bandar ataupun rakyat di rumah panjang suka duduk di luar bandar memang kemahuan mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, pelancang yang datang dari luar negeri memang ada membaca cerita mengenai rumah panjang sebelum mereka dibawa melawat di mana-mana tempat di Sarawak. Tetapi apa yang penting sekali ialah Pemandu-pemandu Pelancang ini kebanyakannya datangnya dari orang-orang yang duduk di bandar. Oleh yang demikian, jurubahasa yang datang membawa pelancang ini selalunya tidak mengetahui bertutur bahasa tempatan dan di sini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya perkara yang saya sebutkan di sini dapat diperbaiki.

Tuan Pengerusi, agensi-agensinya pelancungan di Sarawak hendaklah digalakkan supaya menghantar lebih ramai pelancang datang ke Sarawak. Pada pandangan saya ialah kakitangan-kakitangan Kerajaan patutlah ditambah di Sarawak supaya Pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancungan dapat menyalut di mana-mana tempat yang menarik kerana di negeri Sarawak banyak tempat yang menarik pelancang yang boleh diperbaiki.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, di kawasan saya di Batu Lintang, Ulu Undup, Simanggang, Sarawak ada satu tempat yang boleh menarik perhatian pelancang, jauhnya tiga batu dari Batu Lintang tetapi tidak ada jalan motokar. Nama tempat ini Wongpupu Waterfall. Waterfall ini tingginya 25 kaki sekelilingnya banyak bukit-bukit dan hutan. Tempat ini tiap-tiap minggu dilawati oleh orang ramai, murid sekolah ataupun penduduk-penduduk luar Simanggang, dari Sibu, Kuching dan kadang-kadang pelancang dari luar negeri melawat ke tempat tersebut.

Pada pandangan saya tempat seperti ini patutlah diperluaskan supaya banyak lagi pelancung melawat ke tempat tersebut dan tempat yang banyak memberi hasil kepada penduduk-penduduk tempatan. Kalau tidak salah ingatan saya, dua tahun yang lalu saya telah menyampaikan sepucuk surat ke Pejabat Ketua Menteri Sarawak meminta supaya Pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancung, Kuching menyiasat tempat tersebut. Oleh kerana tiap-tiap hari minggu banyak orang melawat ke tempat ini. Jawapan daripada Jabatan Ketua Menteri amatlah memuaskan iaitu Kerajaan bersetuju akan mengambil tindakan dengan cepat, tetapi sehingga sampai hari ini Kerajaan Negeri Sarawak tidak mengambil berat.

Di dalam Pecahan Kepala B. 20 ini juga tidak ada wang yang diperuntuk kepada Negeri Sarawak. Di sini saya memohon supaya Kerajaan Pusat dapat memberi pertimbangan dan memberi modal kepada agensi-agensi di peringkat daerah. Jika sekiranya Kerajaan dapat mengadakan bantuan kepada bumiputra di peringkat daerah, saya fikir kaum bumiputra ini dapatlah menjalankan usaha-usaha di seluruh daerah.

Saya tahu bumiputra di Sarawak memang bersedia menerima bantuan daripada Kerajaan jika Kerajaan betul-betul menolong dengan modal yang cukup banyak.

Akhir sekali pandangan saya ialah Pemandu Pelancung ini juga patutlah diberikan uniform yang baik dan cukup disiplin. Bagi Tourist Guide Wanita patut juga diberikan uniform dari batik Malaysia, kerana jika Tourist Guide ini diberi uniform yang baik dan dengan batik Malaysia, maka nama Malaysia pun dipandang oleh pelancung-pelancung dari luar negeri pun baik.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi memohon supaya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengambil perhatian terhadap ucapan saya dalam Dewan yang mulia ini.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

5.30 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh di atas peruntukan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Kepala B. 20 dan P. 20 yang berjumlah \$37,146,700. Dengan peruntukan ini pihak Kementerian akan dapat meninggikan lagi mutu ekonomi rakyat di dalam negara kita ini. Saya mengambil peluang bercakap di bawah Pecahan-kepala 1200 dan Pecahan-kepala (4) muka surat 138—Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan. Kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan saya berharap dapat menggalakkan pembinaan kilang-kilang perusahaan di negara kita ini dengan berteraskan bahan-bahan makanan kerana makanan adalah merupakan punca penting bagi rakyat dari segenap lapisan. Saya tidaklah bermaksud untuk memperkecilkan perusahaan kilang-kilang yang ada, tetapi dalam masalah negara kita menghadapi inflasi, bahan makanan perlu diperbanyakkan supaya setiap rakyat dapat merasai nikmatnya dengan harga yang berpatutan.

Tuan Pengerusi, kita janganlah membandingkan kedudukan negara Malaysia dengan negara-negara lain yang rakyatnya mempunyai pendapatan yang tinggi dan mampu untuk membeli barang-barang keperluan termasuk makanan sekalipun harganya tinggi. Bagi negeri kita yang mempunyai rakyat yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah tentu tidak sanggup menghadapi harga barang-barang yang begitu tinggi. Rakyat di kampung kebanyakannya adalah bergantung hidupnya dengan hasil pokok-pokok getah sebagai pendapatan mereka terutama yang menoreh getah yang mana pendapatan mereka tidak sampai \$2-\$3 sehari sedangkan pendapatannya yang sedikit itulah terpaksa menampung keluarga yang begitu ramai.

Melalui Dewan yang mulia ini saya berharap kepada kakitangan atau pekerja yang bergaji tetap samada kakitangan Kerajaan atau agensi Kerajaan dan pekerja-pekerja kilang juga perlu memikirkan bersama kepada segolongan rakyat yang hidup dengan pendapatan yang tidak tetap. Kepada

mereka ini kita berharap supaya tidak terus meminta kerana ini adalah membebankan rakyat yang berpendapatan rendah. Kita tidaklah mahu melihat ahli-ahli perniagaan yang ada di dalam negara kita ini semata-mata mementingkan diri mereka sendiri untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar dengan tidak sedikit pun memikirkan sebahagian besar rakyat yang berpendapatan rendah. Diharap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian perlu mengkaji semula syarat yang telah dikenakan kepada pemodal-pemodal asing sebelum terlaksananya peraturan-peraturan yang dikenakan itu, iaitu setiap pemodal luar negeri yang hendak menanamkan modalnya di negara kita ini hendaklah dimestikan mengadakan usaha bersama dengan syarikat-syarikat tempatan, umpamanya, mengenakan sekurang-kurangnya 60% daripada pemodal tempatan dan 40% daripada pemodal asing. Saya difahamkan masih ada pemodal-pemodal luar negeri terus memonopoli sesuatu syarikat sekalipun berkongsi dengan syarikat-syarikat tempatan, dengan tidak mahu menunjukkan saham-saham mereka kepada syarikat-syarikat tempatan. Tetapi apabila diarah oleh Kerajaan semasa membaharui lesen-lesen perniagaan mereka, pemodal-pemodal itu sebaliknya mengarahkan syarikat-syarikat tempatan yang sama untuk berbuat demikian, dan seterusnya menakut-nakutkan dan tidak membekalkan bahan-bahan yang diperlukan oleh syarikat tempatan itu. Langkah syarikat luar negeri yang cuba hendak mengabui mata Kerajaan dan rakyat perlu diambil tindakan supaya mereka tidak berlawanan merebut kekayaan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah mengenai dengan kekurangan minyak tanah yang telah berlaku terus-menerus bukan sahaja di Johor bahkan di negeri-negeri yang lain juga telah menghadapi kekurangan seperti yang disebutkan. Minyak tanah adalah satu bahan yang sangat perlu di kalangan orang ramai khasnya rakyat di luar bandar, kerana rakyat di luar bandar tidak mendapat bekalan lampu letrik, menggunakan minyak tanah sebagai menerangkan rumah tangga mereka. Selain daripada keperluan-keperluan yang lain yang penting dan perlu ialah minyak tanah, oleh sebab kekurangan minyak tanah kadang-kadang rumah-rumah rakyat di luar bandar ini terpaksa bergelap dan kegelapan ini telah mengganggu anak-anak mereka untuk belajar dan mengingatkan

pelajaran mereka. Sekiranya perkara ini akan berlaku berleluasa, ini akan menjadi salah satu daripada kelemahan murid-murid yang duduk di luar bandar dari segi pelajaran. Di sini saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengawasi mengenai dengan perkara ini kerana saya difahamkan bahawa pengedar-pengedar minyak tanah bumiputra ini dianiayakan. Sungguhpun mereka sudah dapat lesen pengedar, tetapi apabila sampai masanya hendak mendapatkan minyak tanah daripada pengeluaran seperti Shell, pihak Shell mengatakan quota sudah habis, pada hal bagi pengedar yang bukan bumiputra diberi kelebihan yang diperlukan. Saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang berat mengenai dengan perkara ini, kerana pihak Kementerian yang berkenaan di masa membentangkan peruntukan Kementerianya telah mengakui mengenai dengan kekurangan minyak tanah. Jadi kita mengharapkan apa yang telah diterangkan oleh pihak Kementerian tadi supaya memikirkan masaalah-masaalah ini dan akan mengadakan perundingan agar dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini juga telah mengarahkan supaya semua pekedai barang-barang khasnya barang-barang runcit supaya meletakkan tanda harga jualannya. Adakah tanda harga ini benar dipatuhi oleh pekedai-pekedai kerana didapati kedai-kedai yang menjual lebih murah daripada harga yang ditandakan pada tanda harga itu. Ini mengelirukan orang ramai dan mungkin juga pekedai-pekedai ini telah menaruh tanda harga yang lebih dan kemudian menukarkan kepada harga yang dijual. Maka dengan sebab itulah boleh mengurangkan kepada harga yang ditentukannya itu.

Untuk mengakhiri ucapan saya, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada pengimbangan 30% perniagaan setakat ini sudah diperolehi oleh bumiputra seperti yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita pada hari ini. Dan di samping itu juga saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya berusaha mendirikan lebih banyak kilang-kilang di kawasan luar bandar khasnya di dalam kawasan saya sendiri, kerana dengan adanya kilang-kilang yang didirikan di kawasan luar bandar itu akan

dapat memberi peluang kepada rakyat luar bandar yang tidak mempunyai pekerjaan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan benarkan cuma dua orang sahaja lagi untuk bercakap, selepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab. Tetapi kali ini cuma saya benarkan 10 minit sahaja, bila sampai waktu 10 minit saya akan minta Ahli Yang Berhormat duduk dan saya akan beri seorang lagi Ahli Yang Berhormat bercakap.

5.38 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya menyokong dengan sukacitanya di atas Anggaran Belanja yang diperlukan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan saya hendak mengambil peluang menyentuh beberapa perkara.

Pertama, Kepala B. 20, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (10) iaitu Penyertaan Bumiputra. Kita selalu memandang kepada perkara-perkara yang besar, perkara-perkara di mana susah bumiputra hendak mengambil peranan. Tetapi Kementerian gagal ataupun tidak menyedari banyak perkara-perkara yang boleh dibuat untuk menolong bumiputra, umpamanya, menggalakkan bumiputra untuk membesar dan membaiki lagi pertukangan tangan (cottage industry). Tidak ada satu langkah dan saya berani mengatakan peranan yang diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengadakan satu pusat pertukangan tangan (promotion for handicraft) bagi memperbaiki dan mengajar cara-cara yang lebih mudah untuk membuat pertukangan tangan itu, dan dengan cara yang mudah juga pertukangan tangan itu diambil dan ditempatkan pada satu tempat.

Tuan Pengerusi, yang keduanya selalu d dengari galakan daripada Kementerian untuk bumiputra lebih-lebih lagi mengambil bahagian di dalam perniagaan import dan export. Saya hendak tahu, dan berharap jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, berapa orangkah daripada golongan Trade Commissioner di seberang laut yang terdiri daripada bumiputra. Saya berpendapat bahawa jika benar-benar bumiputra hendak mengambil bahagian aktif di dalam bidang import dan

export, maka hendaklah di beberapa tempat di Kedutaan-kedutaan seberang laut ditempatkan bumiputra menjadi Trade Commissioner.

Selain daripada itu, saya hendak juga jawapan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berapa pula bilangan bumiputra yang menjadi pegawai-pegawai yang memegang peranan yang penting-penting yang boleh membuat sesuatu keputusan di dalam FIDA, kerana FIDA memainkan peranan yang penting untuk memberi peluang kepada bumiputra.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh di sini berkenaan dengan Kepala B. 20, Pecahan-kepala 2500, Aktiviti (1) sampai ke (4) iaitu berkenaan dengan sewaan. Di antara Kementerian-kementerian memang semuanya ada menyewa bangunan-bangunan, tetapi sejumlah besar daripada jumlah sewa yang dibayar oleh Kementerian-kementerian, boleh dikatakan \$3,184,530 adalah yang terbesar sekali yang telah digunakan oleh Kerajaan, iaitu sewa untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Apa yang saya suka menegur di sini ialah kesusahan kepada orang ramai apabila hendak membuat sesuatu perhubungan pejabat-pejabat di Kementerian. Ada kalanya untuk kita membuat sesuatu terpaksa pergi ke pejabat-pejabat bukan di satu tempat, bukan hanya di Wisma Damansara, tetapi 4-5 pejabat di tempat lain. Pendek kata, pejabat-pejabat di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak centralise. Masanya sudah sampai barangkali untuk Kementerian mengkaji samada in the long run economical atau tidak bagi Kementerian mempunyai bangunannya sendiri di mana boleh semua pejabat-pejabat dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini disentralaikan bukan sahaja untuk kesenangan pentadbiran tetapi juga untuk kesenangan orang ramai, biarpun orang dalam negeri ataupun orang luar negeri.

Saya suka menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 20, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (1). Tuan Pengerusi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah satu Kementerian yang sangat-sangat mustahak bukan sahaja untuk memberi peluang kepada bumiputra menyertai bidang perdagangan dan perusahaan, tetapi juga inilah satu Kementerian di mana kita akan mendapat foreign exchange earning dan sebagainya.

Tetapi apa yang kita lihat, kita mempunyai seorang Menteri, kita mempunyai seorang Setiausaha Parlimen, tetapi kita tidak ada mempunyai Timbalan Menteri. Seseorang yang hendak berjumpa dengan Menteri, oleh kerana Menteri banyak jawatan di sana-sini, maka susah hendak berjumpa, bukan oleh kerana beliau tidak suka berjumpa tetapi oleh kerana kesebukan, tiap-tiap detik atau saat beliau ada appointments. Kalau ada seorang Timbalan Menteri, kalau Menteri tidak adapun kita boleh berjumpa dengan Timbalan Menteri. Ibaratnya, kalau kita menghisap cerut kalau tidak sampai ke pangkal memang tidak sedap. Jadi, kalau Menteri tidak ada setidak-tidaknya dapat kita berjumpa dengan Timbalan Menteri, baru puas hati. Jadi sampailah masanya bagi Kementerian ini memikirkan supaya satu jawatan Timbalan Menteri dapat dipenuhi dengan serta merta.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 20 Pecahan-kepala 1200, 1300, 2100, 2300, 2600 dan 2700 iaitu Majlis Penasihat Pelindung Penggunaan Kebangsaan. Fungsi-fungsi Majlis ini ialah sebagai penasihat tetapi sebaliknya pula saya berpendapat bahawa Majlis ini menjalankan peranan yang penting untuk menjayakan usaha Kerajaan dalam mencegah anti-sorok iaitu di dalam aktiviti anti-sorok yang kita selalu dengar itu. Dan juga penting bagi Majlis ini untuk bekerjasama dengan Enforcement Unit, tetapi jika full recognition tidak diberi oleh Kementerian kepada Majlis Perundingan Kebangsaan ini, saya percaya bahawa Majlis ini exist only in name tidak benar-benar dengan actionnyanya. Jadi, saya mencadangkan di sini supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberi kuasa penuh kepada Ahli-ahli Majlis ini serupalah dengan Enforcement Officer supaya dapat Ahli-ahli Majlis ini menolong membantu Enforcement Officer di dalam kerja-kerjanya supaya dapat diperiksa, ditangkap dan disidiki pada bila-bila masa jika ada didapati kesalahan-kesalahan sorok dan sebagainya. Saya juga mencadangkan Yang Berhormat Menteri memberi kuasa kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negeri kuasa yang serupa dengan Enforcement Officer supaya dapat kami membantu Menteri. Kalau kami boleh menjadi Wakil Rakyat mengapa pula kami tidak boleh menolong Enforcement Officer untuk ke-

baikan negara iaitu mencegah daripada berlakunya

Tuan Pengerusi: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka menyentuh juga Kepala B. 20, Pecahan-kepala 1200, Aktiviti (4) di muka surat 241 dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1976 ada tercatat di bawah tajuk "Pemasaran." Berkenaan cadangan Kementerian memesatkan lagi kegiatan pemasaran di negara-negara luar termasuk negara-negara ASEAN, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa di zaman sekarang ini gabungan di antara negeri-negeri serantau di dalam segi perekonomian telah menjadi bertambah-tambah penting. Dengan sebab itu, Kementerian hendaklah mengerat dan memperkuatkan lagi ASEAN supaya apabila kita meindustrialaiskan negara kita maka dapat pemasaran barang-barang kita dijual bukan sahaja pasarannya di lengkongan 10 juta penduduk Malaysia, tetapi juga 120 juta penduduk di seluruh negara Ahli-ahli ASEAN.

5.48 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sahaja di bawah Kepala B. 20, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (6) dan (10)—saya rangkumkan sekali iaitu berkenaan dengan Kemajuan Perindustrian dan juga Penyertaan Bumiputra. Saya ingin bercakap secara ringkas iaitu berkenaan dengan Kemajuan Perindustrian ini. Dasar Ekonomi Baru kita nampaknya masih jauh lagi hendak dicapai kalau kita pandang dari jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat dari Tun Perdana Menteri, di mana sehingga ini modal luar negeri masih banyak memegang peranan yang penting iaitu 61%. Modal bumiputra sekarang hanya 2% sahaja. Saya rasa perkara ini harus diambil perhatian benar-benar oleh pihak Yang Berhormat Menteri kerana saya dengar setelah aturan hendak dijalankan banyak orang takut pula. Jadi saya ingat biarlah Yang Berhormat Menteri menerangkan dengan lebih mendalam apakah asas yang kita buat ini bukan kerana hendak menekankan satu pihak tetapi demi untuk asas-asas manusia ataupun keadaan iklim yang ada dalam negeri ini.

Berkenaan dengan kejayaan bumiputra sekarang ini saya nampak kurang benar dalam bidang perdagangan ini. Sebagaimana yang kita tahu bahawa kedudukan lapangan perdagangan dan perusahaan di negeri ini adalah berasaskan kepada tradisi, kepada turun-temurun ataupun yang dijalankan oleh satu kaum pada masa yang lalu dan sekarang hendak dibentuk satu kumpulan lain untuk mengambil bahagian, ini sudah tentu mengalami banyak masalah. Saya berharap kepada yang Berhormat Menteri mengkaji tentang keikhlasan ataupun kejujuran di pihak yang lain untuk bekerjasama dengan bumiputra, sebab bumiputra boleh membuat kerja sekiranya ada kerjasama. Seperti sekarang kalau bumiputra hendak mendapat ejen susah hendak benar, kalau dapat pun tidak ada pasaran sebab tidak ada hubungan antara satu sama lain. Kepada saya yang penting sekali ialah pihak Kementerian ini biarlah memberi kesedaran kepada orang-orang yang bukan bumiputra yang telahpun menjalankan perniagaan, iaitu bumiputra bukan hendak merampas, tetapi hendak bekerjasama sebagai asas manusia yang ada dalam Malaysia ini, di mana sebahagiannya adalah terdiri dari bumiputra dan sebahagiannya bukan bumiputra.

Berkenaan banyak saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputra tetapi masih belum dibeli. Pertama sekali saya rasa kerana orang-orang yang mempunyai wang tidak percaya dalam hal penanaman modal ini. Ini disebabkan oleh penerangan tidak diberi kepada mereka. Kedua, kerjasama antara pihak perbadanan dengan satu perbadanan yang lain itu tidak ada. Saya bandingkan kalau beberapa ratus juta saham yang diperuntukkan kepada bumiputra tidak dibeli tetapi di satu pihak kita dengar bahawa peserta-peserta FELDA yang mendapat wang sepatutnya mereka boleh memberi sumbangan dalam saham ini. Tetapi mereka tidak berbuat demikian kerana tidak ada penjelasan dan penerangan yang diberi. Demikian juga orang-orang kampung yang mempunyai modal. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian di dalam hal ini. Kalau kita Ahli Parlimen hendak membeli satu saham syarikat yang untung yang diiklankan di dalam surat-khabar tidak sampai seminggu diiklan kita tidak dapat membelinya. Kalau hendak beli 3,000 hingga

4,000 saham kadang-kadang yang dapat hanya 500 sahaja. Tetapi ada orang lain yang senang dapat. Kalau Ahli-ahli Parlimen sendiri susah hendak membeli saham apatah lagi orang-orang kampung. Ini bagi syarikat yang maju. Tetapi saham-saham syarikat yang tidak maju memanglah mudah tapi apa faedah membelinya. Yang kita mahu ialah syarikat yang saya katakan tadi. Saya rasa Yang Berhormat Menteri harus mengambil peranan sama ada berhubung dengan Dewan Perniagaan seperti Dewan Perniagaan, Persatuan Peniaga, Persatuan Penjaja, Persatuan Peserta-peserta di rancangan-rancangan dan sebagainya demi untuk memenuhi quota yang ditentukan.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab.

5.54 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, membuat perhatian dan juga yang telah membuat berbagai-bagai cadangan terhadap perkara-perkara, tugas-tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada perkara-perkara yang patut dan boleh saya sentuh yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada beberapa perkara yang mungkin tidak perlu saya jawab di sini dan memadai saya mengambil ingatan di atas pandangan-pandangan dan syor-syor itu. Kalau baik saya buat kajian dan menerima syor-syor dan pandangan-pandangan yang baik itu dan sekiranya tidak boleh diterima saya akan menghubungi pihak-pihak yang berkenaan yang telah membuat cadangan itu menyatakan bahawa syor-syor yang telah dicadangkan itu pada pendapat Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak dapat diterima dan tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dikehendaki.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sekali lagi membangkitkan perkara tiadanya terlibat Majlis Penasihat Pengguna Kebangsaan di dalam kerja mengawal dengan lebih berkesan perkara kenaikan harga barang-barang dan berkenaan dengan inflasi.

Saya suka menerangkan di sini bahawa Majlis Penasihat Pengguna Kebangsaan semenjak ditubuhkan oleh Kerajaan meliputi undang-undang yang berkenaan adalah telah memainkan peranan yang berkesan dari segi memberi nasihat-nasihat pada Kementerian dan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan berkesan dari segi mencadangkan berbagai-bagai perubahan kepada undang-undang yang sedia ada sebagai undang-undang kawalan bekalan, peraturan-peraturan di bawah undang-undang ini. Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa satu daripada sebab badan ini tidak dapat menjalankan tugas dengan berkesan ialah kerana ia tidak dengan secara langsung menjadi satu badan yang diambil perhatian berat oleh Kementerian. Suka saya nyatakan di sini bahawa di dalam jawatankuasa yang mengkaji kenaikan harga barang (Price Review Committee) di peringkat Kementerian saya, Pengerusi (Chairman) kepada Majlis Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan adalah seorang wakil juga dalam Jawatankuasa ini yang mana beliau di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa Penilaian Harga (Price Review Committee) ini dapat memberi pendapat-pendapat serta pandangan-pandangan daripada Majlis Pelindung Pengguna-pengguna dalam mana beliau adalah menjadi pengerusinya.

Tentang kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa satu daripada sebabnya yang mengatakan bahawa badan ini tidak dapat bergerak dengan berkesan ialah perisidangan ataupun mesyuarat badan (council) ini adalah tidak dibuka kepada umum tetapi adalah sentiasa dijalankan dengan secara sulit. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa perkara berkait dengan kenaikan harga barang adalah lebih elok dibincangkan di dalam keadaan yang agak sulit, kerana perkara ini kalau dinyatakan kepada umum boleh membangkitkan berbagai-bagai perkara yang tidak diinginkan, perkara spekulasi di dalam kenaikan harga barang umpamanya mungkin berlaku. Saya menyedari bahawa pada masa-masa yang lepas Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyuarakan cadangan supaya diadakan satu Tribunal dengan secara terbuka di mana ahli-ahli Majlis Pengguna termasuk Ahli-ahli Parlimen, terutama pihak Pembangkang boleh menjadi ahli membincangkan dengan secara terbuka dengan orang ramai tentang masalah-masalah ataupun perkara yang ber-

kaitan dengan harga barang dan kenaikan harga barang-barang.

Cadangan untuk mengadakan open tribunal itu rasa saya tidaklah sesuai diadakan di negara kita ini dengan kerana sebagaimana saya kata tadi kalau sekiranya perkara yang sentiasa dianggap sensitif berkenaan kenaikan harga barang-barang itu dibincangkan di khalayak orang ramai sudah tentu perkara yang tidak diinginkan seperti penyorokan dan spekulasi yang saya katakan tadi di atas naik turun harga barang-barang mungkin menjadi lebih-lebih lagi daripada masa sekarang ini.

Saya berterima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat juga di atas perlunya dilengkapkan Majlis Pelindung Pengguna-pengguna itu dengan pegawai-pegawai yang cukup. Saya menyedari buat masa ini memang badan ini masih lagi tidak lengkap dengan pegawai yang boleh menjalankan tugas-tugas dengan memuaskan oleh kerana keadaan ekonomi kita pada masa ini adalah tidak begitu baik, maka tidaklah dapat bagi pihak Kementerian saya menambahkan lagi bilangan pegawai supaya menjadi lebih ramai lagi daripada sekarang ini. Apabila keadaan ekonomi negara kita bertambah baik kita akan mengkaji kemungkinan menambah lagi bilangan pegawai yang bertugas di dalam badan ini supaya badan ini dapat bergerak dengan lebih berkesan lagi daripada masa-masa yang lepas.

Ahli Yang Berhormat juga sekali lagi membangkitkan perkara Akta Penyelarasan Perindustrian dengan menafikan kepada saya bahawa selepas seminar-seminar dan majlis-majlis dialog yang telah diadakan di antara pegawai-pegawai Kementerian dengan pihak-pihak pengilang, pihak-pihak yang ingin menanam modal di dalam kilang-kilang perindustrian masih lagi, kata beliau, ramai lagi orang menaruh kebimbangan di atas Akta Penyelarasan dan Perindustrian itu. Saya suka menyatakan di sini bahawa mengikut lapuran yang saya terima daripada pegawai-pegawai yang berkenaan selepas pihak Kementerian mengadakan majlis perjumpaan, seminar dan majlis dialog dengan pihak yang berkenaan di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang, maka nampaknya kekeliruan yang telah berbangkit di atas tujuan matlamat undang-undang ini telah dapat diatasi dan telah nyata kepada kita

sekarang bahawa tidak ada lagi banyak kebimbangan di kalangan orang-orang yang pada masa-masa yang lepas telah menaruh kebimbangan terhadap Undang-undang itu. Kita akan terus mengadakan lebih banyak lagi seminar-seminar, majlis perjumpaan dengan pihak pengilang-pengilang di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak untuk menerangkan dengan jelasnya tujuan berkenaan dengan Undang-undang itu supaya kita dapat menghapuskan sama sekali keraguan dan kebimbangan di kalangan orang-orang yang berkenaan terhadap Undang-undang itu.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan mengembangkan perusahaan atau perindustrian ke kawasan-kawasan kurang maju, Tuan Pengerusi, tidak payahlah saya bercerita dengan panjang lebar lagi. Perkara ini selalu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang berbahagia ini dan saya telah memberi penjelasan bahawa adalah menjadi dasar bagi pihak Kerajaan, khususnya Kementerian saya sendiri pada masa ini untuk mencari jalan dan ikhtiar supaya memperluaskan dan mengembangkan lagi perindustrian ke kawasan-kawasan kurang maju dengan mengadakan berbagai galakan dan mengadakan peraturan-peraturan. Kita telah menetapkan untuk memberi galakan lebih baik kepada mana-mana pihak yang mahu mendirikan kilang-kilang perindustrian di kawasan-kawasan kurang maju. Dalam pada itu maju atau tak maju dalam kita melaksanakan dasar itu, sebagaimana selalu saya jelaskan adalah bergantung banyak kepada inisiatif dan usaha-usaha yang juga diambil oleh Kerajaan Negeri mengadakan berbagai kemudahan asas sebagai kawasan-kawasan perusahaan, mengadakan jalan-jalan yang agak baik dan mengadakan kuasa-kuasa letrik di tempat-tempat yang dicadangkan untuk diadakan kilang-kilang perindustrian itu supaya dapat menggalakkan lebih ramai lagi pelabur-pelabur modal ke luar, ke kawasan-kawasan luar bandar yang belum maju lagi di dalam bidang perindustrian.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan bahawa buat masa ini faedah yang telah tercapai di dalam usaha kita menggalakkan eksport barang-barang kita ke luar negeri menerusi penghantaran misi ke luar negeri adalah tidak begitu memuaskan. Saya suka menyatakan di sini bahawa semenjak Kerajaan bergerak mengadakan

perhubungan dengan luar negeri menerusi misi dan rombongan perdagangan yang melawat negara-negara di mana barang-barang kita boleh dijual dengan Kerajaan memperkemaskan lagi kedudukan pejabat-pejabat perusahaan perdagangan. Sekarang ini ada 19 buah dan akan ditambah lagi pada masa tidak lama lagi, maka bilangan peluang-peluang pemasaran, tempat pemasaran di luar negeri adalah bertambah baik lagi daripada masa-masa yang lepas. Kerajaan, khususnya Kementerian saya akan terus mengadakan berbagai inisiatif dan langkah untuk menggalakkan lebih banyak lagi barang-barang kita diekspot ke luar negeri untuk dijual di luar negeri.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat juga supaya misi samada misi pelaburan atau perdagangan perlu membuat laporan selepas balik, saya suka menyatakan bahawa ini adalah sentiasa dilakukan apabila satu-satu misi atau rombongan perdagangan atau pelaburan itu balik selepas membuat lawatan-lawatan ke negara-negara yang berkenaan. Pegawai-pegawai yang melawat negara-negara yang berkenaan di dalam rombongan perdagangan ataupun rombongan-rombongan pelaburan modal akan dikehendaki membuat laporannya yang penuh, yang lengkap untuk dikemukakan kepada Jumaah Menteri. Kementerian-kementerian yang berkenaan yang terlibat juga di dalam perkara menggalakkan eksport ke luar negeri itu akan dapat sama-sama bekerja untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang akan dikemukakan ataupun ditaja oleh pihak yang berkenaan yang menyediakan laporan selepas membuat lawatan dengan badan-badan rombongan perdagangan ataupun pelaburan modal yang berkenaan.

Tentang teguran Ahli Yang Berhormat juga bahawa bukan semua peniaga-peniaga kecil dikecualikan daripada didaftar, saya suka menyatakan bahawa peraturan yang baru dibuat yang telah dilaksanakan adalah hanya melibati peniaga-peniaga kecil yang bergerak. Ini adalah selaras dengan peraturan pendaftaran perniagaan dalam mana segala peniaga-peniaga walau kecil sekalipun perniagaannya, jikalau sekiranya ia berniaga menetap di bawah peraturan yang berkenaan itu mereka terpaksa didaftarkan. Peraturan yang kita adakan baru-baru ini terhadap perlonggaran tentang syarat ini adalah hanya melibati penjaja-penjaja yang bergerak.

yang tidak duduk menetap. Dalam pada itu, saya akan mengkaji kemungkinan kalau boleh mengadakan peruntukan untuk membolehkan peniaga-peniaga yang kecil yang bilangan modalnya tertentu kalau dapat boleh dikecualikan daripada didaftarkan di bawah undang-undang ataupun Peraturan Pendaftaran Perniagaan.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Pegawai-pegawai Pejabat Pendaftar sentiasa mengadakan perjumpaan dengan peniaga-peniaga kecil untuk menolong mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka, saya suka menyatakan bahawa saya bersetuju pegawai-pegawai Kerajaan sentiasa berhubung rapat dengan orang ramai. Dengan kerana ini mereka dapat dengan sendirinya mengetahui, dan memahami di atas masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Saya telah dimaklumkan oleh Pegawai Pejabat Pendaftar bahawa mereka telahpun mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan peniaga-peniaga, termasuk peniaga-peniaga kecil di kawasan Ahli Yang Berhormat sendiri dan mereka telah menyatakan bahawa perjumpaan semacam itu juga akan diadakan dengan lebih banyak lagi pada masa-masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah mencadangkan supaya banyak lagi misi dihantar ke luar negeri untuk mencari pasaran bagi barang-barang pengeluaran kita. Tentang cadangan ini sukalah saya menjelaskan sebagaimana yang telah saya jelaskan pada masa-masa yang lepas bahawa Kerajaan, khususnya Kementerian saya akan mencari ikhtiar dan jalan untuk menghantar lebih banyak lagi, bukan sahaja misi perdagangan dan pelaburan modal bahkan juga sebagaimana saya katakan tadi mengadakan penyertaan di bidang pamiran antarabangsa di luar negeri untuk menggalakkan lebih banyak lagi penjualan barang-barang yang dikeluarkan di dalam negara kita ini ke negara-negara yang lain.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat supaya lebih banyak usaha diadakan dalam menggalakkan pemodal-pemodal daripada negara Arab menanam modal di sini, saya suka menyatakan bahawa sudah banyak misi yang kita telah hantarkan melawat negara-negara Arab. Selain daripada itu, banyak juga rombongan-rombongan daripada negara Arab yang telah datang melawat dan meng-

kaji sendiri di atas kemungkinan-kemungkinan mereka melaburkan modal dan mengadakan perhubungan perdagangan yang lebih rapat lagi dengan negara kita. Saya percaya selepas lawatan ahli-ahli peniaga kita ke negara Arab dan selepas banyak pula datang pemodal-pemodal daripada negara Arab, saya percaya perhubungan dari segi perdagangan, malahan perhubungan dari segi usahasama di bidang penanam modal di dalam negara kita ini dengan negara Arab akan bertambah pada masa-masa yang akan datang. Saya suka juga menyatakan di sini bahawa pada masa sekarang usaha sedang dijalankan untuk mengadakan satu tempat di negara Saudi Arabia (di Juddah) di mana kita akan mengadakan satu tempat di dalam ruang bangunan kedutaan kita untuk memamerkan barang-barang pengeluaran daripada Malaysia supaya dikenali lebih-lebih lagi oleh orang-orang di negara yang tersebut.

Tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus samada betul bilangan pegawai di Kementerian saya tidak mencukupi untuk menjalankan tanggungjawab tugas Kementerian ini dengan memuaskan, saya suka menyatakan bahawa saya tidak menafikan banyak lagi pegawai yang diperlukan, khususnya di bidang-bidang yang penting seperti Bahagian Penguatkuasa. Tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini kita adalah menderita sedikit mengalami kemerosotan di bidang ekonomi dalam mana kita terpaksa mengambil langkah berjimat-cermat. Dengan itu rasa saya buat masa ini tidaklah dapat kita menambahkan bilangan pegawai-pegawai yang bertugas di Kementerian saya, khususnya di bahagian-bahagian penting yang saya katakan tadi.

Tentang perkara penjualan batik keluar negeri, kata Ahli Yang Berhormat adalah sangat kekurangan dari masa lepas. Mengenai perkara ini sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara penjualan batik, perkara menggalakkan perniagaan di dalam bidang batik dan kerja mengeluarkan kain batik ini adalah bukan tanggungjawab Kementerian saya bahkan adalah tanggungjawab badan lain seperti MARA. Tetapi dalam pada itu selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian, saya sentiasa memerhati terhadap perjalanan perusahaan batik, kerana ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah satu

daripada bidang perniagaan yang perlu digalakkan yang kalau sekiranya diselenggarakan dengan baiknya akan sudah tentu membawa faedah dan keuntungan yang besar kepada negara kita, khususnya kepada orang-orang bumiputra yang saya tahu banyak terlibat di dalam bidang perusahaan ini.

Tidak lama lagi saya akan mengadakan satu perjumpaan dengan Ahli-ahli Persatuan Batik di Pantai Timur dan dengan sendirinya akan mendengar segala masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan mana yang saya boleh tolong saya akan beri apa sahaja pertolongan yang saya boleh beri untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Kalau tidak, saya akan bawa perkara-perkara yang berkenaan itu kepada badan-badan lain yang bertanggungjawab secara terus terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan perusahaan batik di dalam negara ini.

Tentang rayuan Ahli Yang Berhormat supaya dipindahkan banyak lagi perusahaan ke Negeri Trengganu, saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya sedang mencari ikhtiar untuk memindahkan projek-projek perindustrian kepada kawasan-kawasan lama seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur Melaka, Johor ke kawasan-kawasan yang kurang maju seperti Kuala Trengganu. Dan bagi Kuala Trengganu saya suka menyatakan dalam masa lima enam bulan ini memang sudah ada ditaja tiga empat projek bagi ditempatkan di Kuala Trengganu tetapi malangnya dua daripada projek ini telah tidak dapat dilaksanakan oleh kerana pihak-pihak pelabur modal yang bercadang untuk melabur modal di Trengganu itu telah tidak dapat mencapai persetujuan di dalam perundingan di antara mereka dengan pihak Lembaga Kemajuan Negeri Trengganu di dalam projek yang hendak dijalankan di Trengganu itu. Tetapi dalam pada itu, saya suka menyatakan di sini bahawa saya dan pihak Kementerian saya sentiasa berikhtiar supaya memindahkan lebih banyak lagi projek-projek perusahaan ke kawasan-kawasan negeri di Pantai Timur termasuk juga Negeri Trengganu.

Tentang permintaan Ahli Yang Berhormat supaya saya campur tangan dalam perkara perlantikan Pengarah di syarikat-syarikat besar, kalau boleh janganlah, kata beliau, dibolot semata-mata oleh Datuk-datuk dan orang-orang besar. Saya suka menyatakan

di sini bahawa saya tidak terlibat dalam perkara perlantikan Pengarah-pengarah, itu terpulang kepada syarikat-syarikat, firma-firma untuk mencari orang-orang yang difikirkan layak, yang boleh agaknya menjadi badan perhubungan yang berkesan (effective) untuk menjadi Pengarah di dalam firma-firma yang berkenaan.

Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Penampang mengatakan penyertaan bumiputra makin mundur, saya suka menyatakan di sini bahawa sungguhpun kemajuan kita harapkan di dalam bidang penyertaan bumiputra itu tidak begitu pesat, saya suka menyatakan di sini mengikut angka-angka statistik yang ada pada kita setakat ini, semenjak tiga empat tahun ini sudah banyak kemajuan yang telah kita capai di dalam perkara penyertaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Sebagaimana yang saya kata tidak lama dahulu, kalau pada masa 10 tahun dahulu sangat kurang bilangan syarikat-syarikat perniagaan Melayu yang berdaftar, sekarang ini ada tidak kurang daripada 50 ribu syarikat Melayu yang berdaftar di Pejabat Pendaftaran Perniagaan. Kalau pada masa-masa yang lepas kita kurang sekali mendengar orang-orang Melayu berkecimpung di dalam bidang perniagaan mengedar ataupun yang menjadi wakil penjual barang-barang yang kita jual di pasar atau di kedai di dalam negara ini, sekarang kita telah mendapat laporan bahawa bilangan orang-orang bumiputra yang telah dilantik menjadi pengedar ataupun wakil penjual barang-barang keperluan seperti motokar, gula, minyak, motosikal, besi, tepung, susu dan sebagainya adalah lebih banyak lagi daripada masa-masa yang lepas kita kurang sekali mendengar Bahagian Penyertaan Bumiputra adalah terus bergiat dalam perkara melibatkan lebih banyak lagi bumiputra di dalam bidang bukan sahaja perdagangan bahkan juga dalam perusahaan supaya kita dapat mencapai matlamat yang kita tuju.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar membuat pertanyaan apakah kemajuan yang telah dicapai terhadap seminar-seminar Industrial Co-ordination Act, adakah seminar ini telah menghapuskan kebimbangan pihak-pihak yang menaruh kebimbangan terhadap Undang-undang ini. Saya suka menegaskan sekali lagi bahawa selepas

seminar-seminar yang telah kita adakan, kebimbangan-kebimbangan atau keraguan-keraguan terhadap Undang-undang ini nampaknya telah dapat kita hapuskan, kerana kita sedar bahawa kebimbangan-kebimbangan terhadap Undang-undang ini telah berbangkit, kerana banyak pihak yang tidak memahami dengan sebenarnya tujuan-tujuan Undang-undang yang telah kita luluskan di Dewan ini. Kita juga akan mengaturkan pada masa akan datang satu seminar di tempat Ahli Yang Berhormat sendiri, di Alor Setar di mana kalau sekiranya ada lagi orang-orang yang menaruh kebimbangan atau ketakutan terhadap Undang-undang ini akan mendapat kesempatan mendengar daripada pegawai-pegawai saya tentang tujuan-tujuan dan cara-cara perlaksanaan Undang-undang ini.

Tentang pertanyaan hendak mengetahui apakah hasil Investment Seminar yang baru diadakan di Kuala Lumpur ini, suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa selepas Seminar Modal yang kita adakan itu, saya telah mendapat kenyataan bahawa banyak juga orang-orang yang telah menaruh kebimbangan di atas peluang pelaburan modal. Ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Selepas menghadiri Seminar ini khususnya selepas mendengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, semua keraguan atau kebimbangan terhadap penanaman modal di negara ini hilang. Mengikut lapuran yang saya terima sebaik-baik habis sahaja seminar ini tidak kurang daripada 28 pihak

yang mengambil bahagian di dalam Seminar Pelaburan ini telah datang kepada pihak kita untuk membuat pengkajian samada mereka dapat membawa syarikat mereka . .

Tuan Pengerusi: Masih panjangkah lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Ada sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Baik, Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Azhari bin Md. Taib: Sebelum saya menangguk mesyuarat ini, saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat semua bahawa kita masih ada 14 Kementerian lagi, hari yang diuntukkan dalam membahaskan Perbelanjaan ini ada 6 hari sahaja lagi. Ertinya, kita mesti menghabiskan perbahasan kita pada tiap-tiap hari lebih daripada 2 Kementerian, baru kita dapat. Kalau tidak saya terpaksa melanjutkan lagi mesyuarat kita ini hingga ke malam.

Mesyuarat ditangguk sehingga pukul 2.30 petang esok, 5hb Disember, 1975.

Dewan ditangguk pada pukul 6.30 petang.